

Selamat Datang
YAB Dato' Seri Utama Anwar bin Ibrahim
Perdana Menteri

● BIL 287 ● 8 - 14 NOVEMBER 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)



WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

Akhlak GEN-AI MADANI

▶▶ 14-15

Residensi MADANI simbol
komitmen kerajaan

>> 2-3

Konsep membangun tanpa
meminggir warga KL

>> 6

Terdedah kartun
'beracun'

>> 9-11

Program Perumahan Mampu Milik

BELIA TANPA BEBANAN HUTANG

METRA SYAHRIL MOHAMED

USAHA kerajaan memperkenalkan Program Perumahan Mampu Milik baharu Residensi MADANI, nyata menyokong generasi akan datang dalam membina kestabilan kewangan melalui pemilikan hartanah.

Ketua Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Profesor Madya Dr Nor Wahiza Abdul Wahat** berkata hal demikian kerana pemilikan rumah boleh menjadi pemacu yang kuat untuk kestabilan kewangan selain membantu belia membina ekuiti dan mendapatkan kedudukan ekonomi yang lebih kukuh dari semasa ke semasa.

Beliau menegaskan, fokus kerajaan mewujudkan pilihan perumahan yang mampu milik dan lestari itu adalah sebahagian daripada visi jangka panjang untuk Malaysia yang inklusif dan saksama.

“Ini menunjukkan usaha kerajaan untuk memastikan semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang ekonomi mempunyai peluang yang sama memiliki rumah yang selesa dan selamat.

“Inisiatif ini menyediakan peluang unik kepada golongan belia yang berhasrat

untuk memiliki rumah sendiri khususnya di ibu negara,” katanya kepada Wilayahku.

Menurut beliau, perumahan yang mampu milik bukan sahaja penting untuk menyediakan tempat tinggal yang asas tetapi ia juga merupakan elemen penting dalam memperkukuh kestabilan ekonomi, emosi dan sosial masyarakat.



NOR WAHIZA

Katanya, ia selari dengan komitmen untuk menutup jurang antara golongan kaya dan miskin yang selama ini menjadi cabaran utama dalam mencapai keseksamaan sosial di negara ini.

Nor Wahiza berkata dari sudut kelestarian, kerajaan mengambil pendekatan untuk membangunkan perumahan yang mesra alam dan jimat tenaga.

Hal ini katanya penting dalam konteks perubahan iklim dan keperluan untuk mengurangkan kesan karbon.

“Dengan menggalakkan pembangunan perumahan yang lestari, kerajaan menunjukkan komitmen terhadap penjagaan alam sekitar dan kesejahteraan generasi akan datang.

“Dalam jangka panjang, perumahan yang lestari akan mengurangkan kos tenaga dan pemeliharaan yang seterusnya akan memberi manfaat kepada penduduk dalam aspek kos sara hidup yang lebih rendah.

“Inisiatif seperti Kejiranan MADANI juga berperanan dalam membentuk komuniti yang inklusif. Dengan memasukkan kemudahan seperti ruang hijau, taman dan kawasan rekreasi, kerajaan bukan

sahaja membina rumah tetapi juga membina masyarakat yang berinteraksi secara positif dan harmoni,” katanya.

Beliau menambah, ia adalah sebahagian daripada matlamat untuk mewujudkan Malaysia yang lebih aman dan stabil di mana rakyat dari pelbagai latar belakang dapat hidup bersama dalam suasana saling



TAPAK projek pembangunan Residensi MADANI di Putrajaya yang dirasmikan Anwar baru-baru ini.

menghormati dan bekerjasama.

Jelasnya, aspek kesejahteraan emosi sering kali terlepas pandang dalam pembangunan perumahan tetapi ia adalah faktor utama yang mempengaruhi kualiti hidup dan keseimbangan hidup seseorang.

“Melalui perancangan perumahan yang teratur dan kondusif, inisiatif Kejiranan MADANI bertujuan untuk mencipta suasana yang menyokong kesejahteraan emosi penduduk.

“Kawasan perumahan yang dilengkapi dengan ruang hijau, taman dan kemudahan rekreasi memberi peluang kepada penduduk untuk beriadah dan menikmati keindahan alam sekitar.

“Ruang-ruang ini tidak hanya berfungsi sebagai tempat untuk

bersenam dan berekreasi tetapi juga menjadi tempat bagi penduduk untuk berehat dan melepaskan tekanan kehidupan seharian,” katanya.


Selain itu katanya, pembangunan komuniti yang inklusif di bawah inisiatif ini menggalakkan interaksi sosial yang positif antara penduduk.

Dalam perkembangan sama, katanya, dengan menyediakan perumahan yang mampu milik, inisiatif ini membantu golongan muda untuk memiliki rumah sendiri tanpa dibebani hutang yang tinggi yang merupakan satu faktor utama dalam tekanan kewangan.

“Perasaan selamat dan stabil yang datang daripada memiliki rumah sendiri dapat memberi kesan

positif kepada emosi seseorang, meningkatkan keyakinan diri dan memberi mereka rasa kepastian untuk merancang masa depan dengan lebih tenang.

“Kerajaan juga menekankan pentingnya keselamatan dalam komuniti ini. Dengan mengutamakan aspek keselamatan dan kebersamaan dalam setiap projek perumahan, kerajaan berharap penduduk dapat hidup dengan perasaan selamat dan tenteram,” katanya.

Secara keseluruhannya jelas beliau visi jangka panjang ini bukan sahaja tentang menyediakan tempat tinggal tetapi juga membina asas bagi sebuah negara yang makmur, harmoni dan berdaya tahan. 

Kurangkan jurang pemilikan rumah

PROJEK Residensi MADANI yang diumumkan kerajaan diyakini dapat mengurangkan jurang pemilikan rumah dalam kalangan masyarakat bandar khususnya di ibu negara.

Demikian ulasan dibuat Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia, Dr Muhammad Daaniyall Abd Rahman dalam artikel ditulis bersama Penganalisis Ekonomi di Pusat Kajian Pasaran Buruh Masa Hadapan (EU-ERA), Amirul Syafiq Azlan kepada Wilayahku.

Menurut penulisan tersebut, sebagai elemen teras dalam Projek Kejiranan MADANI, Residensi MADANI berdiri sebagai simbol komitmen kerajaan menyediakan perumahan yang inklusif bagi semua lapisan masyarakat.

“Ia sekali gus membantu

merealisasikan visi negara untuk perumahan yang mampan dan mesra rakyat di Malaysia,” jelas kedua-dua penganalisis berkenaan.

Mereka berpendapat, realiti ketika ini telah memperlihatkan bahawa terdapat beberapa kelas pendapatan dalam masyarakat terutamanya di kawasan bandar dan berkepadatan penduduk yang tinggi.

Justeru situasi itu menunjukkan kemampuan berbeza setiap individu atau keluarga dalam memenuhi keperluan mendapatkan tempat untuk berteduh.

Tegas mereka, memahami realiti ekonomi semasa, pihak kerajaan berperanan sebagai ejen ekonomi dalam membuat intervensi kepada isu harga rumah yang tinggi.

“Baru-baru ini Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim

mengumumkan lima projek pembangunan Kejiranan MADANI Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) bagi memberi peluang golongan berpendapatan rendah memiliki kediaman sendiri.

“Rumah adalah salah satu keperluan asas yang diperlukan setiap individu tanpa mengira latar belakang ekonomi. Berdasarkan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2022, sekurang-kurangnya setiap isi rumah membelanjakan 23.2 peratus daripada sumber pendapatan untuk tujuan perumahan dan kos utiliti berkaitan.

“Kepesatan pertumbuhan ekonomi telah memberikan implikasi kepada tingkat harga rumah terutamanya apabila proses migrasi berlaku dan permintaan rumah meningkat mengikut tekanan

pasaran,” katanya.

Mereka berpendapat, umum mengetahui bahawa tanah adalah sumber yang terhad.

Untuk itu pembangunan hartanah yang bergantung kepada sumber yang terhad ini mampu mempengaruhi tingkat harga sesebuah kediaman tersebut.


Terdahulu, menurut anggaran semasa penduduk Malaysia oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), populasi Kuala Lumpur pada tahun lalu berjumlah 2.01 juta orang, dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan sekitar 2.2 peratus.

Tambahan daripada itu, data Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta turut menunjukkan bahawa harga purata rumah di Kuala Lumpur pada suku pertama 2024

adalah sekitar RM799,985, satu angka yang jauh di luar jangkauan golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Sebagai perbandingan, harga purata rumah bagi semua negeri di Malaysia adalah pada harga RM481,893.

Harga purata nasional untuk unit bertingkat tinggi di Malaysia pada suku kedua 2024 ialah RM367,201, dengan harga purata di Kuala Lumpur mencapai RM529,807.

“Menyedari populasi penduduk ibu negara yang semakin berkembang dan harga kediaman yang semakin meningkat, kerajaan memberi peluang kepada golongan M40 dan B40 serta golongan belia memiliki rumah dengan harga antara RM150,000 hingga RM200,000,” tambah mereka. 



ANWAR (tengah) ketika melawat model Projek Perumahan Residensi MADANI Putrajaya baru-baru ini.

Kuasa beli rakyat meningkat

RM5 BILION BERLEGAR DI PASARAN DOMESTIK

AZLAN ZAMBRY

KENAIKAN gaji penjawat awam serta pengumuman kenaikan gaji minimum pekerja swasta bermula Februari 2025 bakal memberi impak positif kepada sektor ekonomi negara sekali gus merancakkan proses jual beli domestik yang akan membantu kepada peningkatan pendapatan negara serta pungan cukai.

Pensyarah Kanan Ekonomi Universiti Teknologi MARA (UiTM), **Dr Bashir Ahmad Shabir Ahmad** berkata kesan positif terhadap ekonomi dan dijangka sebanyak RM5 billion penawaran wang akan bertambah ke pasaran domestik setiap bulan apabila kedua-dua elemen kenaikan ini berlaku.

Walau bagaimanapun beliau berkata potensi kenaikan harga barang dijangka berlaku walaupun usaha kerajaan untuk menaikkan gaji kakitangan awam dan gaji minima secara berperingkat.

“Ini kerana pasaran akan bertindak mengikut permintaan yang dijangka meningkat melalui kenaikan ini dan penawaran dari penjual akan memberi reaksi dengan peningkatan harga cuma di harap kenaikan harga adalah pada tahap minima dan tidak membebankan pengguna.”

“Jika tidak, tiada kesan yang nyata akan dilihat dari usaha kerajaan dalam memartabatkan pendapatan rakyat,” katanya kepada Wilayahku pada Selasa.

Menurut Bashir, kenaikan gaji yang diumumkan oleh kerajaan bagi kakitangan awam adalah di antara tujuh peratus hingga 45 peratus mengikut kategori jawatan sekali gus berpotensi melonjakkan sektor hartanah.

“Maka dalam konteks ini,

ianya akan memberi impak yang ketara terhadap penambahan gaji seterusnya meningkat kuasa beli sedia ada.

“Ini akan mendorong usaha kakitangan kerajaan untuk mencari gaya hidup yang lebih baik dan selesa terutama melibatkan tempat tinggal, maka permintaan terhadap hartanah dan perumahan dijangka akan meningkat lebih-lebih lagi dengan pinjaman Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) yang sedia ada akan membantu ke arah ini,” katanya.

Bashir Ahmad berkata selain daripada dua sektor berkenaan, sektor lain yang dijangka akan mendapat manfaat besar dalam kenaikan gaji minima dan kakitangan kerajaan adalah sektor perkhidmatan, perniagaan dalam talian (e-platform), logistik, pelancongan dan hartanah.

“Ini kerana sektor berkenaan menjadi tumpuan pada masa kini dari segi permintaan terutama selepas kenaikan yang akan berlaku kerana berikutan sektor tersebut sebelum ini merasa kesan domino melalui peningkatan perbelanjaan terutama melalui pinjaman peribadi, kenderaan dan perumahan,” katanya.

Menurut beliau peningkatan gaji minima dijangka akan memberi tekanan kos kepada pengusaha-pengusaha di luar sana termasuk perusahaan kecil

dan sederhana (PKS).

“Walau bagaimanapun, sektor PKS dibantu oleh kerajaan melalui pemberian geran perniagaan, bantuan subsidi upah oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) serta bantuan kewangan melalui pinjaman-pinjaman yang bersifat mikro dan sederhana yang mampu untuk meringankan beban dan tekanan terhadap peningkatan gaji minima.

“Apa yang perlu ditekan oleh PKS adalah memberi tumpuan kepada modal insan pekerja melalui pendedahan kepada teknologi terkini dan latihan pengurusan yang cekap supaya k o m p e t e n s i , kecekapan dan p r o d u k t i v i t i dapat ditingkatkan untuk membantu meningkatkan output serta hasil jualan dan keuntungan,” katanya.

M e s k i p u n b e r d e p a n dengan tekanan inflasi berikutan pengumuman kerajaan, beliau menjelaskan pada dasarnya kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah umpamanya pelaksanaan kenaikan gaji kakitangan awam yang dibuat secara berperingkat bertujuan mengurangkan kesan inflasi.

“Pendekatan sama diambil oleh kerajaan dalam mengumumkan kenaikan gaji minima yang dibuat pada kadar kenaikan sebanyak RM200 walaupun ada usaha untuk meminta menaikkan gaji minima ke RM2,000 oleh persatuan pekerja umpamanya.


“Selain itu, pelaksanaan gaji minima dan kakitangan kerajaan diberi masa secukupnya untuk dilaksanakan bagi memberi ruang kepada majikan membuat pelarasan kewangan yang sewajarnya bagi melaksanakan kenaikan ini termasuk juga mengimbangi sebarang kenaikan harga barangan yang mungkin berlaku,” katanya.

Sementara itu, Bashir Ahmad menjelaskan bahawa keadaan ekonomi Malaysia berada pada landasan yang baik serta keadaan inflasi yang stabil dan kadar pengangguran yang minima.

“Faktor ini turut dibantu dengan penetapan Kadar Polisi Semalaman (OPR) yang kekal sepanjang tahun pada kadar 3.0 peratus dengan pulangan kadar faedah dan dividen yang stabil.

“Selain itu pengeluaran bon-bon dan sukuk-sukuk yang lebih terjamin kestabilannya oleh kerajaan dan pihak Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) akan mendorong peningkatan pembelian dan penabungaan kesan dari kenaikan gaji ini.

Tambahnya, orang ramai harus mengambil peluang untuk membentuk tabiat menabung berikutan situasi ekonomi yang kian cerdas serta tawaran kadar faedah yang lebih baik.

“Harus diingat walaupun dijangka kenaikan gaji kakitangan awam dan gaji minima akan merancakkan ekonomi domestik negara, tetapi pada masa yang sama ianya juga akan menarik minat pelaburan dalam kalangan rakyat dengan pulangan dividen yang lebih menarik di samping kadar faedah yang bersifat lebih kompetitif.” ujarnya. 

Residensi MADANI dinanti

YANG Dipertua Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Wilayah Persekutuan, **Datuk Amran Mohamad** berpandangan projek perumahan mampu milik Residensi MADANI Putrajaya sangat dinanti-nantikan oleh rakyat terutama yang tinggal di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor.

Beliau yang juga pakar perumahan amat berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Kerajaan MADANI yang berusaha keras untuk mempercepatkan pembangunan rumah mampu milik bagi golongan B40 serta M40.

“Kadar harga rumah RM200,000 berkeluasan 800 kaki persegi dengan pelbagai kemudahan lengkap seperti yang dicadangkan di sekitar Putrajaya amat munasabah dan sangat dinantikan oleh rakyat.

“Adalah diharapkan rumah mampu milik ini perlu pemantauan yang rapi dari pihak kerajaan dan pemaju supaya perumahan yang dibina mengikut spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan dengan masa yang diberikan,” katanya.

Mengulas lanjut,

Amran berkata kumpulan sasaran yang membeli unit rumah perlu disaring dengan teliti supaya hanya pembeli yang layak sahaja terutama permohonan rumah pertama dapat menikmatinya.

Beliau berkata adalah diharapkan pihak bank dapat memberi kelonggaran untuk meluluskan permohonan kewangan terutamanya mereka yang mendapatkan kenaikan gaji minimum baru-baru ini.

“Pihak bank juga perlu memberi kelonggaran kepada golongan pekerja swasta untuk sama-sama menikmati rumah mampu milik,” katanya.


Sementara itu, menurut Amran beliau menyokong sepenuhnya pembinaan projek perumahan rakyat Residensi MADANI.

Beliau berkata keperluan rumah untuk penduduk miskin bandar perlu dibina supaya ia tidak hanya dinikmati oleh golongan elit serta masyarakat yang sudah lama berada di kawasan tersebut.

“Faktor kedatangan penduduk serta kekurangan kemudahan awam tidak boleh dijadikan alasan Perumahan MADANI tidak dapat dibina. Perlunya penambahbaikan kawasan sekitar serta reka bentuk rumah yang bersesuaian mengikut keadaan tempat tersebut dengan bantuan pemaju serta pihak-pihak majlis tempatan.

“Penduduk di sekitar perlu berkerjasama serta bertolak ansur untuk membantu kerajaan supaya golongan miskin juga dapat memiliki rumah sendiri,” katanya.

Sebanyak 4,000 unit Residensi MADANI Putrajaya dijangka siap dibina menjelang tahun 2028.

Terdahulu, menurut Perdana Menteri objektif utama projek pembangunan Residensi MADANI Putrajaya adalah untuk menyediakan Perumahan Mampu Milik dalam kategori kos sederhana rendah di Wilayah Persekutuan. 



AMRAN



BASHIR AHMAD

“Saya bukan Robin Hood” - PM



ANWAR beramah mesra bersama pelajar UPNM sejurus Program Temu Anwar di universiti tersebut.

TUDUHAN jahat yang mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim cuba ‘mencuri’ daripada orang kaya lalu diberikan kepada orang miskin menerusi pelaksanaan rasionalisasi subsidi sengaja direka oleh pihak yang tidak berpuas hati.

Sungguhpun semua sedia maklum, apa yang dilakukan kerajaan hari ini bertujuan memastikan pengagihan subsidi dilakukan dengan lebih adil serta mengambil kira pendapatan individu.

Menurut PMX, Malaysia adalah antara beberapa buah negara di dunia ini yang mempunyai subsidi tertinggi dan kadar cukai yang rendah.

“Jadi kita berikan subsidi kepada semua orang. Boleh anda bayangkan elektrik sebelum kita laksanakan program rasionalisasi subsidi. Orang kaya di negara ini dapat subsidi.

“Mereka ada 10, 15 pendingin hawa di rumah. Maksud saya ini tidak adil, adakah kita kenakan cukai tambahan? Tidak. Saya cuma kata


anda bayar kos harga dan jangan terima subsidi. Bagi saya ia adil.

“Kita tidak mahu mencukaikan orang ramai. Jadi kita kenakan cukai yang sedikit dan kita tarik subsidi daripada orang kaya. Itu dilihat falsafah ekonomi Robin Hood iaitu ambil daripada yang kaya dan bagi kepada orang miskin. Ia bukan Robin Hood. Ia tarik subsidi sahaja (daripada orang kaya),” ujarnya.


Beliau berkata demikian pada program Temu Anwar di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau akan sedaya upaya untuk meneraju negara ini dengan sebaik mungkin, demi kesejahteraan rakyat.

“Jika mereka ingin jadikan ini sebagai isu politik atau katakan kita tidak adil, itu adalah urusan mereka.

“Saya nak bagi yang saya sudah lama bertarung. Insya-Allah kita akan lakukan yang terbaik. Kita akan laksanakan sebaiknya demi selamatkan negara ini dan selamatkan rakyat terbanyak,” katanya. 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

9 - 10/11/24: Festival RAPID KL @ TRX

24/11/24: 2XU Compression Run 2024 @ Padang Merbok

4/7 - 1/12/24: Pameran IMT-GT: Rantau @ Balai Seni Negara

11-12/1/25: KLPJ Wedding Fair @ KLCC



PUTRAJAYA

9/11/24: Jom Gegar Labuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

30/11/24: Ultron® Putrajaya Night Half Marathon @ Anjung Floria

15/2/25: Putrajaya Night Race @ Dataran Wawasan



LABUAN

9/11/24: Jom Gegar Labuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa

9/11/24: Jom Gegar Labuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

10/11/24: Labuan Ultra Marathon 2024 @ Palm Beach Resort & Spa

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara: **999** (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM)

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

Dituduh sengaja hapus kenderaan NGV

KESELAMATAN AGENDA UTAMA KERAJAAN

KECOH dalam media sosial dakwaan kerajaan mahu memperbanyakkan kenderaan EV (Electric Vehicle) dari China sekali gus menamatkan kenderaan yang menggunakan gas asli (NGV) mulai tahun depan.

Tidak cukup itu, pihak tidak bertanggungjawab mengaitkan lawatan Perdana Menteri ke negara China mempunyai agenda tersembunyi bagi menguntungkan pihak berkaitan.

Malah mereka turut mendakwa penghapusan kenderaan NGV adalah peluang baik untuk kerajaan menaikkan harga petrol dan menghapuskan subsidi.

Pelbagai dakwaan dan andaian yang berunsurkan politik dan tidak munasabah sama sekali dimainkan sedangkan kerajaan mempunyai alasan kukuh untuk tidak membenarkan kenderaan NGV didaftar atau dilesenkan untuk digunakan atas jalan raya di negara ini.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook baru-baru ini berkata perkara itu diputuskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Oktober lalu selepas mengambil kira faktor keselamatan kepada pengguna dan orang ramai.

Menurut beliau Petronas juga akan menamatkan bekalan runcit NGV secara berperingkat dalam pasaran negara sebelum penamatan sepenuhnya bermula tarikh sama.

“Keputusan itu diambil atas



ASPEK keselamatan antara faktor penamatan kenderaan NGV mulai tahun depan.

beberapa faktor termasuk isu keselamatan kepada pengguna terutama pemilik kenderaan yang dikuasakan dengan NGV.

“Berdasarkan rekod, tempoh kemuncak bagi pengubahsuaian dan pemasangan kit kenderaan NGV adalah antara 1995 sehingga 2014.

“Tempoh ini memberi indikasi bahawa keseluruhan kenderaan yang terbabit pada hari ini sudah berada dalam fasa akhir hayat

tangki NGV dan perlu diganti,” katanya pada sesi pengumuman Dasar Penggunaan Kenderaan NGV di Stesen Petronas Jalan Cochrane Perkas.

Tangki NGV mempunyai had tempoh penggunaan selamat dalam lingkungan tempoh 15 tahun dan tidak selamat jika tidak diganti, selain boleh gagal berfungsi pada bila-bila masa yang boleh mendatangkan kecederaan,

kematian serta kerosakan harta benda.

Malah terdapat segelintir pengguna yang sudah melaksanakan ubah suai kenderaan dengan menggunakan silinder gas memasak (LPG) yang amat berbahaya dan mendatangkan risiko kemalangan serta letupan sebelum ini.


“Silinder LPG hanya mempunyai tekanan sekitar 7 bar/100 psi berbanding tangki NGV yang mempunyai tekanan sehingga 220 bar/3,200 psi.

“Penggantian menggunakan komponen-komponen tulen pula akan memakan kos yang tinggi sehingga boleh melebihi RM7,000 bagi setiap kenderaan,” ujarnya.

Tambah beliau, alat ganti NGV terutama tangki tulen amat sukar diperolehi di pasaran tempatan.

“Berdasarkan pemerhatian dan maklum balas diterima, terdapat pemilik kenderaan sudah menggunakan alat ganti daripada tangki yang digunakan atau pengubahsuaian tidak diiktiraf termasuk menggunakan tangki gas LPG.

“Semua perkara ini akan mendatangkan risiko keselamatan, kecenderaan atau kematian kepada semua pengguna atau pemilik kenderaan terbabit,” katanya.

Jadi, jelaslah di sini langkah yang dilakukan adalah demi kepentingan pengguna kerana nyawa lebih penting daripada segalanya. Tidak begitukah? 

Drama di TikTok?

MANA MUNGKIN NAK SURUH AUNTIE, UNCLE BERLAKON

Datuk semakin popular di media sosial khususnya TikTok. Mungkin ini cara 'berkempen' yang lebih berkesan memenangi hati rakyat?

Kalau nak ditakrifkan media sosial seperti TikTok sebagai cara untuk berkempen, sebenarnya pelbagai jenis takrifan yang kita boleh berikan. Akan tetapi, dalam pandangan saya media sosial seperti TikTok ini berteraskan tiga objektif utama.

Pertamanya, dengan adanya kesedaran dan pendidikan yang disampaikan kepada masyarakat melalui media sosial, kita dapat menerangkan isu-isu semasa yang telah diselesaikan kerajaan dalam kawasan tersebut.

Kedua, media sosial dilihat sebagai platform memainkan peranan mewujudkan interaksi antara masyarakat dengan pemimpin seperti dengan adanya ruang berkomunikasi dan aduan yang boleh dibuat bersama-sama. Oleh itu, secara tidak langsung ia akan merapatkan jurang antara masyarakat dengan pemimpin.

Dan ketiga, bagaimana kita memanfaatkan untuk menzahirkan transpirasi kerja yang kita laksanakan. Kesimpulannya, apabila ketiga-tiga perkara ini berjaya dihasilkan dengan baik, barulah datangnya sebahagian daripada kempen. Kempen itu bukanlah yang pertama, sebaliknya tiga objektif utama inilah yang perlu dilaksanakan dahulu dan barulah ia akan menjadi kempen.

Mungkin ada menerima kritikan? Mungkin ada yang kata ia sekadar drama? Menunjuk-nunjuk?

Sejujurnya pelbagai kritikan yang diterima akan tetapi buat masa ini saya sentiasa positif dengan kritikan. Saya menganggapnya kritikan membina dan yakin ia sedikit sebanyak pasti akan memberikan manfaat kepada saya untuk menjadi lebih baik pada masa akan datang.

Kalau hendak kata drama semata-mata untuk menunjuk-nunjuk ini terserah, tapi rasionalnya mudah. Mana mungkin saya hendak suruh auntie-auntie dan uncle-uncle di kawasan saya itu hafal skrip. Hendak suruh mereka berlakon jauh sekali.

Apa yang dilihat semuanya spontan. Maksudnya apa yang saya zahirkan adalah kehidupan yang ada di sekeliling kawasan saya.

Datuk dan juga ADUN Merlimau, Datuk Dr Muhamad Akmal Saleh dikatakan gandingan mantap atau pelapis pemimpin muda, tak di Melaka atau mungkin di peringkat nasional termasuk Parlimen. Komen Datuk?

NAMA Yang Berhormat (YB) DATUK MOHD NOOR HELMY ABDUL HALEM memang tidak asing lagi di lapangan media sosial khususnya TikTok dengan aksi bersahaja ketika menyelesaikan isu-isu rakyat. Biarpun begitu, ada sahaja yang mengkritiknya sebagai menunjuk-nunjuk dan berdrama biarpun Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Duyong ini menegaskan ia dilakukan secara spontan.

Mohd Noor Helmy yang juga Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital Melaka menegaskan mana mungkin hendak menyuruh orang ramai yang ditemuinya itu untuk berlakon dalam 'drama sebabak' di TikTok itu.

Kepada wartawan Wilayahku, METRA SYAHRIL MOHAMED, beliau turut mengakui lebih selesa untuk bersama rakyat di Duyong berbanding diberikan ruang berkhidmat di kerusi Parlimen.



MOHD NOOR HELMY (tiga dari kiri) cukup bersahaja dan mesra ketika turun padang bertemu rakyat.

Saya selalu dikatakan sebagai gandingan pelapis muda bersama Dr Akmal, saya rasa ia kurang tepat untuk konteks Melaka. Di negeri ini banyak kepimpinan muda. Sebagai contoh, Datuk Fairul Nizam Roslan (ADUN Asahan), Datuk Rais Yasin (ADUN Paya Rumpit) dan Datuk Khaidirah Abu Zahar (ADUN Rim).

Semuanya pemimpin golongan muda. Cuma bezanya saya dengan Dr Akmal lebih terdedah di media sosial atau kata mudahnya, kami berdua lebih dikenali di media sosial.

Dalam konteks Parlimen, sama ada kami ke Parlimen atau tidak, ini adalah keputusan parti kerana apa sekalipun jawatan yang kami sandang ia adalah milik parti. Kami hanya pelaksana amanah dan secara peribadinya kualiti Parlimen itu saya tidak ada. Oleh itu, dengan kekurangan yang ada, biarlah saya di sini untuk masyarakat di kawasan saya iaitu di Duyong.

Barisan Nasional (BN) Melaka berada pada kedudukan cukup selesa apabila 'menang besar' dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) 2021. Namun dalam PRU15, BN tewas dalam semua enam kerusi Parlimen. Apa puncanya?

Apabila BN kalah dalam semua kerusi Parlimen ketika PRU15, sudah pasti pelbagai andaian dan teori timbul. Secara dasarnya ia bergantung kepada Parlimen itu sendiri dan bukan semua kesalahan itu boleh ditakrifkan. Bukan semua punca itu boleh diletakkan kepada semua Parlimen kerana setiap

Parlimen mempunyai isu berbeza. Perkara ini bukan lagi menjadi persoalan pada hari ini sebaliknya menjadi sebagai pengajaran. Persoalan yang sepatutnya adalah bagaimana isu ini harus ditangani dan diperbaiki? Bagaimana isu ini menjadi titik mula kepada kebangkitan BN kembali? Namun begitu BN di Melaka secara khusus telah berusaha memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat demi memastikannya kekal relevan, waima bersama mana-mana parti sekalipun sebagai kerajaan gabungan. Seperti yang dilihat hari ini, kepimpinan memutuskan untuk bersama Pakatan Harapan (PH) membentuk Kerajaan Perpaduan dan BN di Melaka akur dengan keputusan yang telah dibuat.

Ketika ini bagaimana pula bacaan semasa Datuk terhadap pengundi di Melaka? Dapat menerima konsep Kerajaan Perpaduan?

Sudah pastinya di Melaka ada hampir satu juta orang penduduk yang mempunyai pandangan dan konsep berbeza terhadap Kerajaan Perpaduan. Pada awalnya ada yang suka, ada yang berduka dan ada juga yang tidak rasakan apa-apa. Namun begitu usaha yang telah dibuat kepimpinan kerajaan bersama sedikit sebanyak mengubah persepsi masyarakat terhadap Kerajaan Perpaduan ini.

Kiraan kami di Melaka, persepsi masyarakat ini bertambah baik cuma sedikit sebanyak perlu diperhalusi lagi dari semasa ke semasa dan

memerlukan penambahbaikan. Sehingga ke hari ini, kita dapat melihat perubahan persepsi masyarakat yang semakin baik ini telah menghasilkan impak yang positif untuk Melaka.

Bagaimana Datuk melihat komunikasi dan kerjasama parti-parti yang berada di dalam Kerajaan Perpaduan, dalam konteks Melaka?

Gambaran mudah yang dapat saya jadikan contoh adalah di Parlimen Kota Melaka yang mempunyai Ahli Parlimen daripada DAP. Tiga ADUN adalah daripada DAP dan dua daripada BN. Kalau hari ini UMNO dikatakan meletakkan egonya, begitu juga DAP meletakkan egonya.

Sebelum ini kami masing-masing tidak pernah bekerjasama dalam apa jua keadaan, kini kami mengetepikan segala perbezaan demi membentuk persefahaman yang akan memberi kebaikan kepada rakyat.

Hari ini terbukti jelas di Kota Melaka, pembentukan kerjasama ini membuahkan hasil. Ikatan yang terjalin antara DAP dan UMNO telah memberi manfaat kepada masyarakat. Walaupun persepsi yang diterima berbeza dan masih ada yang menentang perkara sebegini, pada hakikatnya tidak boleh dinafikan hasil itulah yang telah memberi impak kepada kehidupan mereka. Terima kasih diucapkan kepada pemimpin-pemimpin PH kerana telah bersama-sama memilih meletakkan keperluan rakyat itu sebagai titik utama dalam apa jua

usaha yang dibuat dan dalam apa jua kerjasama yang dilaksanakan.

Apakah isu-isu kompleks yang terdapat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Duyong?

Di DUN Duyong terdapat dua isu yang saya warisi iaitu pembangunan infrastruktur dan masalah banjir. Ia tidak dapat diselesaikan kerana melibatkan isu teknikal seperti mendapatkan kebenaran tuan tanah yang mana tanah-tanah ini telah bertukar kepada generasi ketiga. Cukai tanah tersebut masih dibayar akan tetapi namanya tidak ditukar.

Disebabkan itu, untuk mendapatkan kebenaran pelaksanaan kerja sangat sukar dan perkara ini masih tidak menjumpai jalan penyelesaian. Kadang-kadang kita memerlukan keberanian untuk membuat keputusan bagi menangani sesetengah perkara dan bukan semua orang boleh menerimanya. Kesimpulannya, saya mengambil pendekatan meletakkan kepentingan majoriti paling utama. Dengan berbekalkan sedikit pengalaman yang ada dalam bidang teknikal dan bantuan daripada agensi kerajaan yang sangat dedikasi dalam mencari penyelesaian, sedikit demi sedikit perkara ini diusahakan sehingga masalah itu dapat diselesaikan dengan sempurna dan jayanya.

Bagaimana pula dengan perkembangan sains, teknologi dan inovasi di peringkat negeri Melaka? Apa yang boleh dibanggakan setakat ini?

Kepimpinan Datuk Seri Abdul Rauf Yusoh (Ketua Menteri Melaka) amat menekankan kepentingan perkembangan sains, teknologi dan inovasi. Banyak yang diusahakan dan yang menjadi fokus utama adalah Projek Kampung Digital. Ia memfokuskan kepada penamaan semula alamat rumah kampung agar menjadi lebih tersusun.

Kita ambil contoh rumah yang tiada alamat jelas seperti KM 6, Perigi Hang Tuah Duyong, 75460 Melaka. Alamat ini susah untuk dikesan oleh sesetengah pihak, maka dengan itu kerajaan negeri mengusahakan untuk mendigitalkan alamat rumah seperti ini supaya lebih tersusun dan mudah untuk dikesan.

Oleh itu, sebarang komunikasi dan hubungan akan lebih jelas dan daripada usaha Projek Kampung Digital inilah akan menjadi titik permulaan untuk komunikasi dan kerja-kerja penambahbaikan infrastruktur yang lebih efektif dan berkesan. 📌



MAIMUNAH ketika berucap pada World Urban Forum (WUF) di Kaherah pada Selasa.

Konsep membangun tanpa meminggir warganya

BANDAR RAYA DICINTAI

AZLAN ZAMBRY

DATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri TPr Maimunah Mohd Sharif menggesa semua pihak menjadikan konsep bandar raya yang didiami kepada bandar raya yang dicintai bagi membolehkan semua pihak berkepentingan meneroka peluang memajukan lagi bandar raya masing-masing.

Bercakap kepada delegasi Forum Bandar Raya Sedunia (World Urban Forum), beliau menjelaskan konsep mencintai bandar raya yang dilaksanakan membolehkan bandar raya tersebut membangun tanpa meminggirkan warganya dari aspek sosioekonomi.

"Konsep yang dilaksanakan Kuala Lumpur adalah dari Kuala Lumpur yang boleh didiami kepada yang dicintai. Jika anda sayangkan bandar anda, anda akan melakukan segala-galanya untuk melakukan apa yang perlu dilakukan.

"Sebagai pentadbir bandar raya, kita juga perlu menggerakkan penduduk yang tinggal di bandar dan menjemput pelabur asing untuk melabur di bandar," katanya di WUF di Kaherah pada Selasa.

Menjelas lanjut, Maimunah berkata bagi mencapai matlamat tersebut,

aspek tadbir urus perlu diberi penekanan serta kapasiti yang sentiasa bersedia untuk menyerap pelaburan langsung asing.

"Peranan pentadbir bandar raya adalah penasihat kepada kerajaan, kerajaan tempatan serta wilayah masing-masing dan kita perlu memastikan ia didengari dan memastikan dilaksanakan.

"Pentadbir bandar raya juga adalah penasihat untuk semua peringkat masyarakat termasuk sektor swasta dan ia merupakan komponen penting dalam membangunkan bandar raya," katanya.

Beliau berkata, rakan Datuk Bandar lain turut menyebutkan semua prinsip tersebut, namun ia memerlukan keupayaan untuk menterjemahkan strategi tersebut ke dalam program berorientasikan projek di lapangan bersama-sama dengan rakyat sekali gus membantu meraih manfaat ekonomi.


"Untuk mempunyai kemungkinan yang ada dan impak tinggi kepada kehidupan rakyat tidak begitu banyak pada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Saya rasa kita perlu

bertindak melangkaui KDNK, kita mahu lihat (kesan) dan itulah yang saya promosikan.

Tambahnya, walaupun mempunyai pembiayaan dalam melaksanakan projek berkaitan, tetapi tanpa kapasiti dan kepakaran untuk melaksanakan serta untuk menghasilkan projek-projek atau program bersama-sama dengan masyarakat juga dilihat tiada matlamat.

Menurutnya, tiga ramuan seperti kapasiti, kepimpinan dan tadbir urus serta tindakan tempatan adalah sangat penting dalam merangka pembangunan bandar raya mampan selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

"Sebab itu pelaksanaan SDGs secara tempatan sangat penting kerana 64 peratus daripada 169 Sasaran SDGs akan dilaksanakan di bandar berikutan 70 peratus daripada penduduk berada di bandar," katanya.

Ujar Maimunah, beliau turut melihat bahawa pembangunan bakat, pelaburan dan pertumbuhan ekonomi merupakan sebahagian daripada cabaran terhadap masalah perbandaran dan sebagai pentadbir, ia memerlukan usaha untuk menyelesaikannya. 

Permohonan tapak bazar terbatal

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengumumkan bahawa permohonan tapak bazar Ramadan seliaan penganjur sebelum ini terbatal.

Dalam hantaran di Facebook, DBKL berkata ia melibatkan kawasan awam di seluruh kawasan Parlimen Kuala Lumpur.

DBKL turut memaklumkan Bazar Ramadan di bawah seliaan pihaknya yang telah diiklankan pada 23 Oktober yang lalu turut dibatalkan.

"Antara tapak Bazar Ramadan yang terlibat adalah di Tempat Letak Kereta, Taman Tasik Permaisuri; Jalan 3/27A, Wangsa Maju Seksyen 1; UTC Sentul dan Jalan Telawi 1 hingga Jalan Telawi 4, Bangsar.

"Satu pelawaan baru akan disiarkan semula dengan melibatkan semua lokasi Bazar Ramadan," katanya.

Tambah DBKL, pelawaan bagi permohonan Tapak Bazar Aidilfitri di bawah kendalian DBKL adalah sah yang ditempatkan di Lorong Tuanku Abdul Rahman dan tarikh tutup permohonan kekal pada 6 November 2024.

Menurut DBKL memaklumkan ini dilakukan susulan dari satu iklan pelawaan kepada orang ramai berkaitan


Permohonan Tapak Bazar Ramadan/Aidilfitri yang disiarkan pada 23 Oktober 2024 di laman Facebook DBKL.

Terdahulu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa memaklumkan tindakan yang diambil susulan isu tular mengenai bazar Deepavali di Brickfields yang didakwa tidak mengikut arahan DBKL sehingga menyebabkan sebahagian peniaga tidak dapat berniaga.

Ujar Zaliha, isu berkenaan bukanlah perkara baharu bahkan ketika bazar Ramadan yang lalu turut berlaku.

"Saya telah arahkan DBKL untuk pastikan semua bazar tidak lagi diserahkan kepada pihak ketiga sebaliknya DBKL yang perlu menguruskan," katanya.

Menurut Zaliha, banyak implikasi lain yang terjadi jika diserahkan kepada pihak ketiga untuk uruskan tersebut.

Dalam pada itu, lima persatuan peniaga yang sebelum ini bertanggungjawab menguruskan Bazar Ramadan di Kuala Lumpur menyerahkan urusan pengoperasian 65 lokasi bazar kepada pihak DBKL sebagai tindak balas kepada arahan Zaliha. 

Pesta Teater serlah situasi ibu kota

PENGANJURAN Pesta Teater Kuala Lumpur 2024 merupakan satu platform untuk memperkembangkan seni persembahan menerusi pementasan teater.

Pengarah Bahagian Bimbingan Seni Budaya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Mohd Radzi Omar menyifatkan Pesta Teater Kuala Lumpur sebagai satu perkembangan yang baik dalam bidang teater.

"Kita melihat dari segi anak-anak muda menunggu-nunggu program seperti ini kerana ia satu ruang bagi mereka untuk melahirkan satu karya," katanya.

Jelas beliau, menerusi pesta berkenaan, pihaknya dapat melihat produksi teater ini mengekspresikan bakat mereka dan bercerita tentang situasi dan

keadaan Kuala Lumpur.

"Mungkin kita tidak melihat apa yang berlaku di luar sana tetapi bagi produksi-produksi ini, inilah keadaan dan situasi sebenar Kuala Lumpur," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Penyampaian Hadiah Pesta Teater Kuala Lumpur di Panggung Bandaraya.

Tambah beliau pihaknya akan cuba mengangkat program seni khususnya teater lebih-lebih lagi tahun hadapan adalah persiapan Tahun Melawat Malaysia.


Pengarah Eksekutif Sosio Ekonomi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Ismadi Sakirin, menyambut baik sambutan penggiat seni Kuala Lumpur.

"16 produksi telah menyertai dan kita pilih 10 yang terbaik. Daripada 10 produksi ini, kita telah

melibat pementasan di Panggung Bandaraya yang memberikan peluang untuk para penggiat teater mempertontonkan bakat," katanya.

Naskah Warga S yang dipentaskan Kumpulan Acahart Studio diumumkan sebagai Johan yang membawa pulang RM10,000, piala iringan dan sijil penyertaan.

Manakala Teater Jajahan Chow Kit Road, Idea Asal oleh Khairunazwan Rodzy, karya Azril Suhaili arahan Mohd Fahim Ali @ Mamoo, Kumpulan Atisuto diumumkan pemenang tempat kedua memenangi wang tunai RM8,000.

Tempat ketiga, Teater Sedu di Kuala Lumpur karya dan arahan lefiz Alauddin, Kumpulan Main Theatre membawa pulang RM5,000 dan masing-masing membawa pulang piala iringan dan sijil penyertaan. 



ISMADI (tengah) menyampaikan mock cheque jutaan Pesta Teater Kuala Lumpur 2024, Kumpulan Acahart Studio di Panggung Bandaraya pada Sabtu



ZALIHA (tengah) sejeurus menyampaikan anugerah dan biasiswa kepada pelajar terlibat.

Majlis APC, penyampaian biasiswa YWP

PELAJAR LUAH RASA TERHARU

SERIMAH

RATA-RATA pelajar yang menerima Anugerah Pelajar Cemerlang (APC) dan biasiswa Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) pada majlis APC baru-baru ini menyifatkan pemberian tersebut dapat meringankan beban kewangan ibu bapa mereka yang tergolong dalam kalangan B40.

Salah seorang penerima APC bagi kategori orang kurang upaya



AKMAL

(OKU), **Akmal Mohd Radzi**, 18, yang meraih keputusan cemerlang pada SPM tahun lalu dengan memperoleh Keputusan 6A, berkata dia berterima

kasih di atas anugerah diberikan.

“Wang tunai ini bolehlah saya gunakan untuk perbelanjaan seharian di mana saya kini menyambung tingkatan enam di Sekolah St John Institution.

“Sedikit sebanyak dapatlah membantu meringankan beban ibu bapa memandangkan saya mempunyai lapan adik-beradik dan saya merupakan anak ketiga,” kata remaja yang bercita-cita menjadi seorang guru itu.

Bagi pelajar tingkatan lima di Sekolah Menengah Kebangsaan Sentul Utama, **Mohd Najmi Hakimi Mohd Azmi** yang menerima Skim Biasiswa Sekolah

Menengah, dia amat berterima kasih kepada YWP kerana wang berkenaan digunakan untuk membiayai yuran kelas tambahan.

“Saya menerima biasiswa YWP sejak dari tingkatan satu sehingga sekarang. Memandangkan hanya ayah saja yang bekerja, jadi biasiswa ini saya gunakan untuk membiayai yuran kelas tambahan,” katanya.

Sementara itu, bagi **Jasreen Deep Kaur**, 20, yang kini menuntut di Univeriti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang Bahasa dan Linguistik Inggeris, dia menggunakan wang



MOHD NAJMI

yang diperolehi kerana mencatat keputusan cemerlang dalam STPM tahun lalu untuk membeli pakaian Deepavali.

Terdahulu, majlis yang disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangka Pengerusi YWP, Dr Zaliha Mustafa meraikan 131 pelajar yang mendapat keputusan cemerlang di dalam Sijil Pelajar Malaysia (SPM), 150 pelajar cemerlang Sijil Tinggi Pelajaran

Malaysia dan 19 kategori OKU SPM (pembelajaran, penglihatan, pendengaran dan fizik).

Selain daripada APC, turut

diadakan sesi penyerahan Skim Biasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Skim Bantuan Awal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan

Skim Biasiswa Sekolah Menengah.

Seramai 300 pelajar yang terdiri daripada anak-anak Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diraikan pada majlis yang turut mendapat kerjasama



JASREEN

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL).

Tingkat kesedaran ekosistem marin

SAMBUTAN Hari Perikanan Sedunia (HPS) 2024 mampu meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan industri perikanan dan ekosistem marin.

Ketua Pengarah Perikanan, **Datuk Adnan Hussain** berkata penganjuran sambutan itu juga bertujuan menghargai usaha nelayan, penternak, penyelidik serta semua yang terlibat dalam sektor perikanan, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF).

“DOF amat berbangga dengan kejayaan sambutan ini dan ia merupakan langkah pertama dalam menggalakkan kesedaran tentang pentingnya sumber perikanan yang lestari. Sokongan daripada usahawan perikanan juga amat memberangsangkan.

“Sambutan ini turut menjadi platform untuk usahawan mempromosikan produk perikanan mereka sekali gus memberi impak

positif kepada ekonomi,” katanya dalam kenyataan.

Adnan berkata acara julung kali diadakan baru-baru ini berjaya menarik lebih 13,000 pengunjung dengan pelbagai pengisian program.

“Pelbagai aktiviti kesedaran awam dan pameran agensi kerajaan yang diadakan, membawa mesej penting tentang pemeliharaan ekosistem marin kepada semua pengunjung termasuk pameran produk perikanan dan demonstrasi masakan.

“Acara ini juga telah memperlihatkan kerjasama yang erat antara usahawan, penggiat industri dan pengunjung dalam usaha mempromosikan perikanan yang bertanggungjawab,” ujarnya.

Tambahnya sepanjang tempoh dua hari penganjuran, pengunjung juga berpeluang mendapatkan penerangan dan tawaran perkhidmatan langsung kerajaan.

“Sebanyak 13 kaunter perkhidmatan jabatan serta agensi telah mengambil bahagian pada HPS kali ini.

“Penglibatan 20 reruai usahawan produk perikanan, enam reruai usahawan jualan Agro MADANI dan *food truck* dalam sambutan ini turut merancakkan aktiviti ekonomi terutamanya bagi usahawan perikanan. Sebanyak RM72,240 jualan berjaya direkodkan sehingga hari kedua program,” katanya.

Dalam pada itu, Adnan berkata DOF mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan sambutan ini termasuk pengunjung, peniaga dan orang awam yang menyokong penganjuran HPS.

“Untuk maklumat lanjut mengenai acara ini sila layari portal rasmi dan platform media sosial Jabatan Perikanan Malaysia,” katanya.



GIMIK pelepasan ikan bersempena Hari Perikanan Sedunia 2024.



KU SEMAN KU HUSSAIN

BERBELANJA adalah salah satu perkara yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan moden. Malah itulah juga yang menjadi salah satu pemangkin yang menggiatkan kitaran ekonomi di sesebuah negara. Lalu secara teorinya semakin tinggi kadar berbelanja maka semakin besarlah sumbangan pada peningkatan ekonomi di negara berkenaan.

Bagaimanapun tidak semua teori ekonomi itu memberi kebaikan kepada semua golongan atau individu. Misalnya kepada golongan warga kota dalam kelompok B40 dan ke bawah, berbelanja adalah satu beban yang terpaksa ditanggung selain memenuhi keperluan lain seperti kediaman, utiliti dan pengangkutan.

Dalam keadaan yang mendesak seperti itu, amalan berbelanja dengan berhemah menjadi amat penting bagi memastikan pengurusan kewangan sesebuah keluarga stabil dan terjamin. Salah satu daripada amalan penting dalam berbelanja adalah membezakan antara keperluan asas dan keinginan semata-mata.

Kegagalan mengawal keinginan dalam berbelanja memberikan kesan yang besar dalam pengurusan kewangan sesebuah keluarga. Hal itu kerana keinginan selalunya sekadar mengikut persekitaran sosial, sementara keperluan pula sesuatu yang mesti diadakan demi kelangsungan hidup.

Disebabkan hal itu, warga kota terutama kelompok B40 dan ke bawah perlu mengutamakan belanja untuk keperluan yang sebenar. Keperluan itu adalah amat berbeza dengan sesuatu yang sekadar memenuhi tuntutan gaya hidup yang dicituskan oleh persekitaran sosial semasa.

Prinsipnya mudah sahaja, yang pertama sekali adalah memastikan kelangsungan hidup dengan menyediakan keperluan asas – makanan, pakaian, tempat tinggal dan pendidikan. Perkara itu tidak boleh diabaikan sama sekali.



WARGA kota perlu mengutamakan berbelanja untuk keperluan yang sebenar bukan memenuhi tuntutan gaya hidup. – Gambar hiasan

KEPERLUAN ATAU TUNTUTAN GAYA HIDUP?

Selepas hal itu mencukupi atau berlebihan, bolehlah memikirkan tentang gaya hidup yang di luar daripada keperluan asas.

Memahami keutamaan dalam berbelanja adalah kunci utama mengelak berlakunya krisis kewangan, pembaziran atau penyalahgunaan wang. Dalam kata lain maksud menyalahgunakan wang itu adalah berbelanja pada hal-hal yang tidak penting, sedangkan masih bergelut dalam memenuhi keperluan yang asas.

Pengguna perlu membandingkan harga dan mengesan kecenderungan penipuan yang mungkin berlaku semasa berbebanja. Selain itu, berusaha mencari alternatif harga yang lebih murah tetapi berkualiti seperti bahan makanan, pakaian dan barang keperluan lain.

Bijak berbelanja juga membawa maksud mahir merancang dengan cara memastikan wang

yang diperoleh itu sama ada secara bulanan atau harian dapat digunakan dengan sebaik-baiknya. Tidak terpengaruh dengan iklan atau promosi yang digerakkan dengan cara yang amat memukau dan menjurus pada konsumerisme.

Konsumerisme adalah satu fenomena sosial di mana masyarakat dipengaruhi supaya cenderung mengutamakan pemilikan benda sebagai lambang kebahagiaan dan kejayaan. Hal itu telah dianggap suatu yang utama, sedangkan sebenarnya merupakan gaya hidup dalam kehidupan moden.

Salah satu aspek utama yang menjadi pemangkin konsumerisme adalah ledakan industri dan berkembangnya perdagangan di peringkat global. Dengan kemajuan teknologi, jenama dari pelbagai negara dapat diakses dan dibeli dengan mudah.

Promosi yang diadakan secara amat menarik dan kreatif melalui media sosial juga turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan minat sekali gus permintaan terhadap barangan tertentu. Padahal promosi yang mempesona itu bukanlah tanda aras kualiti dan keperluan utama sesuatu barangan.

PERANGKAP KEWANGAN

DISEBABKAN hal itu banyak juga yang membiarkan diri terbenam dan lemas dalam perlumbaan yang dicituskan oleh konsumerisme. Kesannya individu berkenaan cenderung terperangkap dalam masalah kewangan yang serius seperti terjebak dengan hutang.

Apa lagi dalam keadaan yang sangat mudah untuk berhutang – tidak kira dengan memiliki kad kredit, pinjaman peribadi atau pinjaman sewa beli kenderaan yang di luar kemampuan kewangan. Memudahkan pinjaman tidak sahaja

memberikan kesan positif, masa yang sama sekiranya disalahguna boleh memberikan kesan yang amat buruk.

Suatu yang perlu diingat adalah terdapat berbagai-bagai kemudahan teknologi untuk mengalirkan wang keluar yakni berbelanja, padahal saluran yang membawa wang masuk sebagai sumber pendapatan pula menjadi semakin sedikit dan sempit. Mudah berbelanja itu mendorong berlakunya konsumerisme dalam kalangan masyarakat.

Sekalipun daripada satu sudut konsumerisme mungkin membawa faedah melonjakkan kuasa membeli sekali gus menjana ekonomi, tetapi sebagai individu kita perlu melihat kesan negatifnya. Faedahnya kepada golongan peniaga dan pemilik industri, tetapi tidak kepada golongan yang berpendapatan rendah yang memaksa diri untuk berbelanja pada hal tidak penting.

Disebabkan itu, amalan bijak berbelanja adalah suatu yang amat penting dalam memastikan kesejahteraan kewangan terutama golongan yang berpendapatan rendah. Kesedaran terhadap konsumerisme mampu menyumbang pada pengurusan kewangan yang baik.

Gaya hidup bukanlah satu keperluan, sebaliknya merupakan pola perilaku yang mencakupi aspek-aspek seperti cara berpakaian, makanan, hobi dan hal-hal lain yang dipengaruhi oleh persekitaran sosial semasa. Gaya hidup digerakkan oleh kapitalis yang menekankan seolah-olah pemilikan benda adalah tanda aras kejayaan dan kebahagiaan.

Kapitalis menggiatkan promosi untuk memastikan barangan yang dihasilkan dapat menembusi ke segenap lapisan pengguna, termasuk kepada golongan yang kurang mampu. Kaedahnya dengan merancang strategi

pemasaran terhadap barangan atau perkhidmatan untuk melipatgandakan keuntungan.


Iklan pula sering kali menjadi senjata untuk mempengaruhi sudut pandangan pengguna terhadap barangan yang tidak perlu seolah-olah satu keperluan. Bukan suatu yang asing apabila golongan selebriti atau mempengaruhi (*influencer*) ditonjolkan sebagai suri teladan untuk memperagakan sesuatu barangan yang membawa mesej gaya hidup.

Hal itu cenderung menjadikan golongan yang kurang mampu terpengaruh dengan 'gambaran kehidupan' yang diperagakan di media. Malah seolah-olah itulah kehidupan yang sebenarnya, sedangkan hakikatnya tidak lebih dunia ciptaan untuk mempengaruhi masyarakat berbelanja.

Oleh itu, adalah penting untuk mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan daripada terjerumus dalam gaya hidup yang tidak sihat daripada sudut kesihatan dan juga menjejaskan perancangan kewangan. Salah satu caranya dengan meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai makna sebenar kebahagiaan hidup.

Bukan semua kebahagiaan dan kejayaan itu diukur melalui suatu yang bersifat benda. Percaya kepada diri, kesihatan mental dan fizikal, kestabilan emosi, hubungan sosial yang baik serta pencapaian dalam bidang keilmuan memainkan peranan dalam memberi kebahagiaan dan kejayaan hidup.

Malah kita juga perlu bersikap kritis apabila berdepan dengan iklan atau promosi yang selalu mempengaruhi ketika hendak berbelanja. Mengetahui perbezaan antara keperluan dan keinginan serta mampu membuat keputusan bijak dalam berbelanja adalah langkah primitif yang penting mengelak daripada perangkap konsumerisme.







B1 287 . 8-14 NOVEMBER 2024

KARTUN

beracun

▶▶ 10-11



CETUS PERILAKU 'GILA' SI KECIL

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

PROGRAM kartun kanak-kanak sewajarnya memiliki karakter menarik, membangkitkan rasa seronok dan menghiburkan golongan anak kecil. Malangnya muncul lambakan kartun aneh dan pelik dikesan tersebar meluas di media sosial yang mampu mencetuskan emosi trauma, ganas serta perilaku gila dalam kalangan kanak-kanak.

Kebanyakan kartun ini tidak secemal disangka apabila hadir dalam pelbagai bentuk menakutkan hingga boleh menimbulkan persoalan, adakah ia sesuai ditonton untuk golongan kecil ini?

Menurut Perunding Psikologi Klinikal, **Dr Noor Aishah Rosli**, golongan kanak-kanak masa kini kian taasub dengan alat peranti teknologi dan animasi di televisyen yang seolah-olah sudah menjadi satu keperluan buat mereka meskipun di usia kecil.

"Tidak dinafikan bahawa kartun animasi seperti itu sememangnya menjadi kelaziman buat mereka dengan ia juga menjadi salah satu tarikan di zaman kanak-kanak.

"Namun, kecuaiannya segelintir ibu bapa yang tidak memantau bahan tontonan di laman digital masa kini dilihat boleh membahayakan anak-anak di bawah usia tujuh tahun yang ketagih dengan video kartun," ujarnya.

Beliau berkata kebebasan dan sikap terbuka ibu bapa terhadap penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak menjadi punca golongan mudah terdedah dengan kartun 'beracun'.

"Kartun selalu menjadi tontonan si kecil. Penting bagi ibu bapa untuk memilih rancangan kartun yang baik untuk mereka kerana apa yang didedahkan akan diserap dalam kehidupan anak.

"Rancangan kartun memberikan manfaat, tetapi ada ciri penting yang perlu ibu bapa titikberatkan. Tiga perkara yang perlu diperhatikan ialah bahasa, tingkah laku dan aksi yang ada di dalamnya," ujar beliau.

Sebelum ini, tular satu animasi

di YouTube bertajuk Skibidi Toilet yang dikatakan telah memberikan kesan negatif kepada golongan kanak-kanak dan beberapa video di TikTok turut memaparkan perbuatan pelik golongan berkenaan selepas menonton rancangan tersebut.

"Kartun itu pada mulanya hanya memaparkan watak lelaki yang keluar daripada mangkuk tandas sambil menyanyi, namun beberapa episod selepas itu mula memaparkan adegan ganas dan

tembak-menembak yang boleh mempengaruhi minda budak kecil.

"Semuanya tanpa jalan cerita yang baik, lagu latar belakang juga sengaja diubah suai untuk merangsang fikiran kanak-kanak untuk berperilaku ganas.

"Pemikiran kanak-kanak di bawah usia tujuh tahun ini baru nak berkembang jadi golongan seperti mereka memang dijadikan sasaran utama untuk kaut keuntungan.

"Otak mereka sedang berkembang pesat, anak-anak tengah membina fahaman mengenai dunia sekeliling mereka. Jika dunia mereka hanyalah dengan menonton video pendek YouTube atau TikTok yang tidak memberi apa-apa makna yang hanya menunjukkan keganasan semata, apa fahaman yang mereka bina mengenai dunia sekeliling mereka," ujarnya.

Dalam masa sama, Noor Aishah berkata mendedahkan anak kepada elemen yang boleh mempengaruhi emosi negatif bukan secara alami hanya akan menjejaskan mental mereka.

"Hakikatnya sikap ibu bapa yang tidak matang inilah yang menjadi punca tahap kesihatan mental anak terganggu terutama dari sudut emosi menjadi negatif, takut dan keresahan yang keterlaluan.

"Lebih tidak matang apabila ibu bapa zaman sekarang menjadikan rasa takut dan resah anak mereka sebagai kandungan hiburan dalam media sosial tanpa menyedari aspek



emosi anak tercalar dengan teruk," ujarnya.

Beliau berkata emosi takut dan gelisah saling berkait tetapi dua emosi ini memiliki takrifan tersendiri dan dikelaskan dalam kumpulan yang berbeza.

"Takut adalah emosi berkait dengan ketakutan kepada sesuatu yang pasti terjadi. Sementara keresahan lebih adalah emosi iaitu bimbang atau rasa tidak menyenangkan kepada sesuatu yang belum berlaku, lebih tepat adalah pemikiran tidak rasional.

"Mengenai ciri-ciri abnormal atau gangguan keresahan dan ketakutan dalam diri kanak-kanak, situasinya berbeza apabila tahap pemikiran kanak-kanak tidak boleh merasionalkan situasi dihadapi dengan baik serta menyebabkan kesan lebih buruk.

"Kanak-kanak biasanya merasai pengalaman pertama takut pada usia empat atau lima tahun ketika mereka dalam perkembangan mengenal identiti diri.

"Mereka akan jelajah atau teroka pengalaman di persekitaran sendiri dan menemui rasa takut dalam proses berkenaan. Contohnya ketika bermain atau berlaku insiden dalam rutin harian menyebabkan mereka pelajari situasi yang tidak menyenangkan," ujarnya.

PERLUKAN INTERVENSI

BERKONGSI pengalaman dalam membantu memulihkan kanak-kanak yang mengalami gangguan emosi keterlaluan terutama membabitkan takut dan keresahan, beliau berkata tempoh intervensi lebih panjang diperlukan

bergantung kepada intensiti insiden atau berapa lama mereka terdedah kepada punca emosi terbabit.

"Terdapat dua kes membabitkan intervensi terhadap kanak-kanak dalam memulihkan mereka daripada kesan emosi negatif. Salah satunya membabitkan kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun yang dirawat kerana rasa takut yang melampau sehingga menjejaskan keyakinan dirinya.

"Kes itu dirujuk oleh saudara kandungnya yang bersimpati dengan keadaan adik mereka yang mudah terkesan setiap kali terdengar bunyi kuat dan melihat adegan ganas di televisyen.

"Puncanya, kanak-kanak terbabit membesar dalam keadaan ketakutan kerana tinggal dalam rumah bersama bapanya yang juga pesakit skizofrenia. Saya terpaksa jalankan rawatan selama setahun bagi membantu mengembalikan emosi positif untuk kelangsungan kanak-kanak terbabit," ujarnya.

Seterusnya, kes lain dikendalikan pakar itu membabitkan kanak-kanak berusia lima tahun yang mempunyai emosi ketakutan melampau selepas menonton filem seram komedi tempatan.

Beliau berkata perubahan drastik kanak-kanak itu disedari orang tuanya apabila dia yang memiliki personaliti ceria dan pandai berdikari berubah menjadi penakut sehingga terpaksa ditemani ibu bapa meskipun pergi ke tandas di rumah sendiri.


"Apabila emosi negatif mula mengganggu fungsi normal harian seperti dilalui kanak-kanak berkenaan, ia menunjukkan ibu bapa


perlu mengambil pendekatan lebih sesuai.

"Kalau ibu bapa mendapati perubahan sikap anak drastik selain gemar mengasingkan diri dan termenung, perlulah segera merujuk kepada pakar. Selain itu, pendedahan lebih baik terutama kemahiran boleh digunakan ibu bapa bagi membantu anak mereka pulih daripada dibelenggu emosi negatif," ujarnya.

Tambahnya lagi, jika ketakutan anak anda terhadap hantu terlalu melampau dan menjejaskan kehidupan harian mereka, pertimbangkan untuk mendapatkan bantuan profesional.

"Pakar psikologi kanak-kanak boleh membantu anak anda mengatasi ketakutan mereka dengan cara yang lebih berkesan.

"Dengan pendekatan yang betul, ibu bapa dapat membantu anak-anak mereka mengatasi ketakutan terhadap hantu. Sokongan, pemahaman dan dorongan yang konsisten adalah kunci utama dalam membantu anak-anak merasa lebih berani dan yakin," ujarnya. 



Masih belum terlambat

JIKA dibesarkan pada era sekitar 90-an dan sebelumnya, pasti anda menghabiskan masa menonton cerita kartun melalui televisyen berbanding kanak-kanak zaman sekarang yang berpeluang menonton di telefon pintar sahaja.

Kecanggihan teknologi hari ini telah merubah corak kehidupan mereka di mana sedari usia di bawah satu tahun lagi, kebanyakannya telah didedahkan dengan gajet oleh ibu bapa. Malah, di usia yang masih kecil, mereka sudah mula pandai mengakses cerita kartun di telefon pintar. Situasi ini semakin memburukkan kerana tontonan tanpa pemantauan mampu mempengaruhi perkembangan emosi serta mental mereka lebih-lebih lagi cerita yang mengandungi unsur seksual, keganasan dan berbentuk agresif yang banyak berselindung di sebalik watak

kartun comel yang menjadi kegemaran anak-anak.

Salah seorang ibu, **Normah Ismail**, 45, berkata ibu bapa seharusnya bertanggungjawab terhadap tontonan anak-anak kerana ia akan mempengaruhi diri kanak-kanak tersebut ketika dewasa kelak.

“Apa yang menjadi kebimbangan adalah sikap ambil mudah ibu bapa lain yang tidak memantau apa yang ditonton oleh anak-anak mereka. Sikap sambil lewa ini menyebabkan anak saya turut menonton kartun berunsur negatif yang dikongsi oleh rakan di sekolah.

“Diharapkan ibu bapa pantau apa yang anak-anak tonton. Selalunya saya akan periksa ruang history di telefon, sekiranya terdapat kartun yang pelik, saya akan minta mereka untuk berhenti tengok,” ujarnya yang mempunyai dua orang anak berusia 10 dan lapan tahun.

Normah berkata meskipun kini wujudnya aplikasi yang mesra kanak-kanak namun ibu bapa masih perlu memantau kerana sebelum ini tular di laman sosial terdapatnya video-video yang tidak sesuai untuk


tontonan kanak-kanak di dalam aplikasi tersebut.

Berkongsi pendapat yang sama, **Muhammad Ezad Ehsan**, 56, berkata anaknya pernah menonton animasi siren head yang mempunyai unsur seram dan keganasan.

“Saya terpaksa menghalangnya untuk menggunakan telefon bimbit lebih-lebih lagi had umur tontonan bagi kartun tersebut adalah 18 tahun dan ke atas.

“Di usia yang masih muda, kanak-kanak tidak sepatutnya didedahkan dengan imej pembunuhan dan keganasan kerana akan memberi impak yang tidak baik untuk mereka.

“Ketika inilah mereka perlu diperkenalkan dengan perkara-perkara yang baik kerana kita tidak mahu melahirkan generasi yang berpegang pada unsur keganasan dan kejahatan.

“Tambah pula kanak-kanak sekecil ini tidak dapat menilai mana yang baik dan buruk jadi ibu bapa perlu memainkan peranan penting. Luangkan masa untuk menonton bersama-sama anak sekali gus dapat mengeratkan hubungan,” ujarnya. 



KESAN KEPADA KANAK-KANAK

1. Mereka akan takut atau berasa trauma apabila berada di tempat gelap untuk jangka masa yang panjang.
2. Mempengaruhi minda anak-anak sehingga mereka tidak dapat membezakan antara permainan atau realiti kehidupan.
3. Penggunaan kata-kata yang tidak baik dan tidak sesuai didengari oleh anak-anak.
4. Anak-anak akan bertindak agresif kerana sering melihat tindakan berbahaya seperti pukul-memukul dan tidak tahu bahawa tindakan tersebut adalah salah.

7 kartun yang mampu rosakkan emosi anak-anak

KARTUN dan kanak-kanak amat sinonim dan meskipun kebanyakan kartun sesuai untuk tontonan umum namun ada kalanya ia boleh melampaui batas.

Bagaimanapun menurut laman sesawang Sinarplus, terdapat beberapa kartun yang mengandungi unsur bahaya serta boleh merosakkan emosi anak-anak.

1. HUGGY WUGGY

Dilancarkan pada tahun 2021, kartun ini adalah beruang biru yang mempunyai gigi tajam, rambut keriting dan muncul dalam siri yang disebut Poppy Playtime.

Kartun ini disifatkan sebagai mendorong kanak-kanak melakukan pembunuhan melalui lirik lagunya dan mempunyai penarafan umur 8+ (8 tahun ke atas).

Antara karakter kartun ini ialah menggunakan kata-kata yang menyinggung perasaan, menggambarkan penggunaan alkohol, menunjukkan aksi menikam, memenggal kepala dan menunjukkan percubaan membunuh.

2. KISSY MISSY

Setahun selepas pelancaran kartun Huggy Wuggy, Kissy Missy pula muncul. Penampilannya seakan Huggy Wuggy, cuma ia berwarna merah jambu.

Ia tidak sesuai untuk kanak-kanak di bawah sekolah menengah.

Kajian menunjukkan pendedahan kepada media visual yang menakutkan boleh menyebabkan kebimbangan jangka panjang, tekanan emosi dan gejala fizikal pada kanak-kanak di bawah usia 14 tahun.

3. HAPPY TREE FRIENDS

Menampilkan haiwan hutan antropomorfik, setiap episod bermula dengan aman di mana haiwan menjalani kehidupan seperti biasa, tetapi kejadian secara tiba-tiba tanpa disengajakan (kadang-kadang sengaja) disebabkan oleh haiwan lain membawa kepada banyak watak yang mengalami keganasan grafik yang sangat melampau.

Mungkin kartun ini kelihatan comel di mata kita tetapi sebenarnya ia menunjukkan pembunuhan yang sangat mengerikan.

4. AMONG US

Merupakan satu permainan misteri pembunuhan yang boleh berlaku dalam kapal angkasa. Dalam kalangan pemain, satu hingga tiga akan dipilih secara rawak sebagai penipu yang perlu bergabung dan membunuh rakan krew.

Kartun ini menunjukkan aksi ganas seperti mangsa ditikam dengan pisau atau lidah tajam atau ditembak dengan pistol dan leher mangsa dipatahkan. Kartun ini menunjukkan cara berfikir dengan cepat dan

menjadi pembohong yang baik.

5. SKIBIDI TOILET

Animasi ini tular di YouTube pada tahun lalu di mana ia dikatakan telah memberikan kesan negatif kepada golongan kanak-kanak dan beberapa video di TikTok turut memaparkan perbuatan pelik golongan berkenaan selepas menonton rancangan tersebut.


6. SIREN HEAD

Kartun Siren Head yang muncul buat pertama kali pada tahun 2018 merupakan karya seniman bertema seram dari Kanada, yang dikenali sebagai Trevor Henderson. Kartun seakan mumia ini tidak memiliki mata, hidung, telinga kerana ia berkebolehan mengesan mangsa melalui kuasa ghaib yang dimilikinya.

Siren Head adalah raksasa yang sangat ganas yang menyebabkan bahaya, kecederaan serius atau bahkan kematian kepada orang lain.

7. CARTOON CATS

Sebuah lagi karya seram daripada Trevor Henderson. Kartun ini diperkenalkan sebagai watak yang mempunyai kebolehan kuasa ghaib.

Walaupun digambarkan sebagai seekor kucing yang lucu, namun ia mempunyai niat jahat dan pendengki yang akan melakukan kekejaman. 

Sekiranya anda terlihat atau mengenal pasti mana-mana video di YouTube yang mempunyai unsur keganasan sila laporkan dengan cara:

1. Klik butang seperti (“...”) di bawah video yang ditonton.
2. Cari pilihan ‘report’ dan klik.
3. Pilih jenis kesalahan.

DATUK Seri Dr Maimunah Mohd Sharif hadir merasmikan Hari Inovasi dan Kreativiti DBKL 2024 baru-baru ini.



ANTARA reruai pameran dan jualan yang disediakan buat pengunjung yang hadir di Dewan Perdana Mestika, Institut Latihan DBKL (IDB).

IMAGINASI KE REALITI

SYUQREE DAIN


WARGA Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berpeluang untuk menyerlahkan idea-idea inovatif serta hasil ciptaan yang kreatif sempena Hari Inovasi dan Kreativiti 2024 baru-baru ini.

Program yang dianjurkan DBKL itu bagi memperlihatkan penambahbaikan dari segi produktiviti serta kualiti di peringkat organisasi. Selain itu, ia turut merencanakan lagi pembudayaan inovasi dan kreativiti hasil daripada idea-idea segar warga kerja yang kondusif.

Inovasi dan kreativiti memainkan peranan penting

dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan tadbir urus agensi awam yang disegani seperti DBKL.

Diadakan di Dewan Perdana Mestika, Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, acara diserikan dengan kehadiran Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif.

Ia turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik seperti Hari Terbuka Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) DBKL, ceramah, pameran, jualan, cabutan bertuah serta permainan interaktif. 





DIANA AMIR
Foto: SYUQQREE DAIN
Video: HASIF HALIMI

KETIKA ini kecerdasan buatan atau *artificial intelligence* (AI) sudah tidak asing lagi dalam kehidupan manusia, bahkan penggunaannya sudah tersebar luas ke pelbagai sektor industri seperti automotif, kesihatan serta kewangan.

Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang berasaskan sistem digital kini berjalan rancak di serata dunia didorong oleh kemampuan AI sebagai satu daripada kunci pemacu utama.

AI telah membuatkan manusia kagum dengan hasil kerjanya, namun demikian, teknologi ini turut mengundang rasa gusar melibatkan ancaman pekerjaan yang sedia ada dan etika penggunaannya.

Menyedari kekusaran tersebut khususnya dalam kalangan pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT), Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** berkata semua teknologi mempunyai kesan positif dan negatif.

Katanya apabila berlaku revolusi teknologi maka kebergantungan kepada jumlah pekerja juga akan berkurangan.

"Tetapi perlu diingatkan bahawa manusia mempunyai keupayaan untuk mereka yang baharu sebagai contoh hilang pekerjaan di kilang, tambah pekerjaan di AI. Tutup kilang baju tekstil kerana upah rendah, buka *data centre* dan AI serta tutup kilang yang dirasakan *low end* buka *semiconductor industries*."

"Jadi bagi saya fikir positif, maknanya ada kesan yang membimbangkan dari segi peluang pekerjaan tetapi kita bagi latihan, kalau dulu kita tidak belajar digital dan AI di universiti tetapi sekarang kita harus berikan keutamaan."

"Kalau dulu kita sudah longgar sikit tentang Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM), sekarang kita kena tumpu balik, kena bagi penekanan yang tinggi kerana kalau unjuran dua hingga tiga tahun akan datang, kita akan kekurangan sekitar 30,000 jurutera dan kita harus perbanyakkannya," katanya ketika menjawab soalan dalam Sesi Temu Anwar di Karnival Generasi Ada Idea (GEN-AI).

Anwar berkata kebimbangan



TERAP NILAI AKHLAK GEN-AI

utama mengenai perkembangan AI adalah sifat manusiawi dan nilai kemanusiaan akan terhakis jika kita tidak berwaspada kerana semuanya beranggapan mesin boleh menjawab segalanya.

"Maka sebab itu dalam pendidikan kita, sementara penguasaan teknologi, AI dan *digitalization* itu penting, penekanan tentang nilai manusiawi, akhlak dan keyakinan agama harus diperkuatkan supaya seiring. Saya tanya Microsoft dan Google, mereka mengatakan AI ini sebagai sains, tidak neutral kerana tertakluk kepada siapa yang memberikan input.

"Maknanya di sini kita harus asak dengan kesedaran tentang nilai dan kemanusiaan kerana AI tidak peduli tentang sejarah, perasaan, emosi, sentimen, baik dan buruk melainkan dimasukkan dalam aplikasi tersebut mengenai soal nilai dan keyakinan. Menjadi tanggungjawab anak-anak muda kini berbekalkan latihan serta kesedaran penguasaan AI."

"Sudah banyak buku yang menceritakan mengenai bahaya AI kepada umat manusia dan kemungkinan AI menjadi satu senjata yang akan menghakis keyakinan manusia namun bagi saya ia bukan salah teknologi

tersebut tetapi salah latihan dan nilai manusia," ujar beliau.

Mengulas lanjut, beliau berkata pihaknya telah memberikan arahan agar pendedahan kepada AI diberikan di peringkat awal bagi semua mahasiswa.

"Apabila kita perkenalkan Fakulti AI di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan ia hanya mengambil masa empat bulan terus berjalan dan saya luluskan RM20 juta untuk *take off*, kemudian kita pastikan di semua universiti dibantu supaya ada keupayaan AI," ujarnya.

KECINTAAN PADA ILMU

ANWAR berkata Malaysia kini sudah menjadi hub semikonduktor apabila sebanyak 26 peratus semikonduktor diekspor ke Amerika Syarikat.

"Ketua Eksekutif Infineon ada menyatakan bahawa dia memerlukan seramai 4,000 jurutera yang mempunyai kemahiran AI, maknanya *up-skilling* daripada jurutera maka kita arahkan semua Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan perbelanjaan lebih dari RM7 bilion termasuk daripada Maahad Tahfiz bagi latihan TVET dan sebahagiannya AI."

"Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) antara yang bantu menyelaraskan bidang ini supaya ada keupayaan digital. Baik MCMC, TEKUN Nasional, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), ini semua badan-badan dan agensi yang

menyediakan pinjaman sama ada untuk *start-ups* ataupun latihan tambahan untuk mahasiswa, graduan kolej dan TVET," katanya.

Dalam pada itu, Anwar turut mengingatkan para mahasiswa kepentingan pendidikan bukan sahaja tertumpu kepada penguasaan ilmu, tetapi juga menerapkan nilai dan akhlak yang tinggi dalam golongan anak muda.

"Kerana ramai orang dapat ilmu tapi hilang nilai, hilang akhlak, ini yang hilang. Jadi, anak muda itu harus ditanam kecintaan kepada ilmu dan kemudian satu kecintaan kepada ilmu, keduanya dia kena faham dan nilai."

"Tugas mahasiswa selain daripada menimba ilmu mereka juga merupakan jurubicara masyarakat sekelilingnya yang disebut *conscience of the majority*, *represent the voice*, *conscience aspirations of the majority*, suara hati nurani rakyat yang inginkan kebebasan, keadilan serta kesaksamaan," ujar beliau.

Terdahulu, Anwar hadir menyempurnakan Karnival GEN-AI yang diadakan di Tapak Parkir Gravitas, Jalan Baru Prai, Pulau Pinang pada 2 November lalu. Antara yang menjadi tumpuan dalam karnival ini ialah sesi Temu Anwar yang menyaksikan Perdana Menteri berinteraksi dengan belia. Pelbagai soalan merangkumi isu-isu semasa termasuk keselamatan dalam talian, buli siber dan perkembangan teknologi AI diajarkan kepada Perdana Menteri.

Turut hadir Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang 1, Datuk Dr Mohamad Abdul Hamid; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Timbalan Menteri Komunikasi, Teo Nie Ching; Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying dan Pengerusi MCMC, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din.



GOLONGAN belia mengambil peluang bertanya soalan kepada Perdana Menteri dalam sesi Temu Anwar.

LAHIR MASYARAKAT MADANI BERILMU

DIANA AMIR

DALAM era perkembangan teknologi yang pesat, kehadiran *Artificial Intelligence (AI) Chatbot, ChatGPT* sebagai model bahasa automatik memberi impak yang besar dalam kehidupan seharian termasuk dalam dunia pendidikan.

ChatGPT kebanyakannya digunakan oleh mahasiswa tidak mengira universiti awam mahupun swasta sebagai alat bantu dalam memudahkan kerja, penyediaan maklumat berkaitan tugas, penyediaan bahan penulisan, peluasan skop pengetahuan dan sebagainya.

Pengasas Kumpulan Biji-biji Intiatives dan Mereka, **Rashvin Pal Singh** berkata *ChatGPT* ialah satu program komputer yang direka untuk berbual dengan manusia.

"Program ini beroperasi dengan cara melihat set data besar perbualan yang pernah dimiliki orang dan menggunakan maklumat tersebut untuk menjana respons yang sesuai dan berkaitan dengan perbualan.

"Ia ibarat kawan baik yang bijak dan mampu bantu kita untuk siapkan *assignment* dengan cepat, tepat dan tak pernah malas.

"Selain menyiapkan tugas, dengan teknologi ini juga kita mampu hasilkan *Curriculum Vitae (CV)* dalam pelbagai bahasa serta mengikut format yang diperlukan dan pastinya akan membantu para pelajar untuk melangkah ke alam pekerjaan," katanya yang juga merupakan panel dalam Forum AI & Belia: Pembangunan Ilmu AI dengan Inklusif? Peluang, Potensi dan Cabaran.

Sementara itu, Pengasas ALPHV dan Developer Kaki, **Daren Tan** berkata teknologi AI juga membantu individu yang tidak kreatif untuk menjadi kreatif dalam masa yang singkat.

"Kalau kita lihat zaman sekarang ramai yang nak jadi pengengaruh tapi mungkin ada sesetengah yang tak tahu nak mula dari mana dan sebagainya.

"Di sinilah kita boleh memanfaatkan AI. Kita boleh minta untuk AI sediakan skrip bagi konten video TikTok dalam

masa yang ditetapkan. Menerusi *ChatGPT*, ia akan bimbing kita untuk cakap apa pada setiap saat.

"Selain itu, teknologi AI ini juga dapat membantu kita untuk menyunting video kerana tak semua orang mempunyai kepakaran dalam perkara tersebut. Sebagai contoh kita rekod podcast selama satu atau dua jam, pastinya susah dan memakan masa untuk sunting video tersebut jadi dengan AI ia membantu untuk menyiapkan video tersebut dalam masa singkat," ujarnya yang juga merupakan seorang pencipta kandungan digital.

Mengulas lanjut, Daren berkata meskipun AI memberi banyak manfaat namun antara cabaran utamanya adalah ia mampu digunakan untuk sindiket penipuan.

"Orang ramai terutama warga emas misalnya antara golongan rentan yang dikatakan mudah terpedaya taktik *deepfake*, lebih-lebih lagi jika melibatkan individu berpengaruh seperti ahli politik, ahli perniagaan dan selebriti popular.

"Mereka juga sering menjadi sasaran pelaburan skim untuk meraih imbuhan segera dan tanpa sedar terlibat dalam kegiatan jenayah komersial selepas termakan umpan video palsu individu berpengaruh berkenaan.

"Oleh itu, saya nasihatkan untuk berhati-hati dengan setiap apa yang kamu lihat di media sosial ini, pastikan semak kesahihan sesuatu berita atau fakta itu terlebih dahulu sebelum sebar atau tekan mana-mana pautan," ujarnya.

KARNIVAL GEN-AI

MENYAMBUT baik perkembangan teknologi AI, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menganjurkan Karnival Generasi Ada Idea (GEN-AI) di Tapak Parkir Gravitasi, Jalan Baru Prai, Pulau Pinang pada 2 November 2024.

Antara aktiviti yang menjadi tumpuan dalam karnival ini ialah sesi Temu Anwar yang



DARI kiri, Caprice, Rashvin dan Daren dalam forum pagi yang diadakan bersempena karnival.



menyaksikan Perdana Menteri berinteraksi dengan golongan belia.

"Pelbagai soalan merangkumi isu-isu semasa termasuk keselamatan dalam talian, buli siber dan perkembangan teknologi AI dikupas.

"Selain itu, Forum AI dan Belia yang bertajuk Pembangunan Ilmu AI dengan inklusif-peluang, potensi dan cabaran turut diadakan bertujuan melahirkan masyarakat MADANI yang berilmu pengetahuan dan berdaya saing serta peka terhadap isu-isu semasa.

"Lain-lain acara dan aktiviti menarik yang dianjurkan termasuk sesi perkongsian Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI), pertandingan Muay Thai, persembahan buskers, konsert mini, cabutan bertuah, kaunter bayaran saman dan pameran serta jualan," katanya.

Tambahnya program yang julung kali diadakan ini juga berjaya menghimpunkan kira-kira 10,000 pengunjung terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.

"Karnival ini adalah sebagai platform untuk mendekati dan memupuk semangat kemasyarakatan dalam kalangan belia menerusi pelbagai aktiviti interaksi.

"Karnival tersebut juga bagi meningkatkan kesedaran serta kepekaan belia mengenai isu-isu semasa dan menggalakkan gaya hidup sihat melalui aktiviti berorientasikan kesejahteraan juga keceriaan," katanya.

Turut hadir Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang 1, Datuk Dr Mohamad Abdul Hamid; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Timbalan Menteri Komunikasi, Teo Nie Ching; Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar; Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, Datuk Mohamad Fauzi Md Isa dan Pengerusi MCMC, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din. 

DULU ASNAF KINI USAHAWAN

KHAIRUL IDIN

HANYA dengan bercucuk tanam sayur-sayuran secara hidroponik, seorang asnaf di Labuan mampu menarik nafas lega apabila berjaya memperolehi pendapatan ribuan ringgit sebulan sekali gus mengubah nasib keluarga.

Zulhafez Jindeh, 35, berkata dia yang sebelum ini hanya bekerja secara makan gaji mengakui pendapatan yang diperolehi sekitar RM1,500 tidak mampu menampung perbelanjaan susulan kos sara hidup yang semakin meningkat.

Bercerita lanjut kepada Wilayahku, Zulhafez berkata dia mula menceburi bidang pertanian setelah membuat keputusan untuk mengambil skim pemisahan sukarela (VSS) selepas lebih 10 tahun berkhidmat dengan sebuah syarikat minyak dan gas.

"Selepas itu, saya mengambil keputusan untuk menggunakan modal yang saya ada untuk memulakan bidang ternakan udang kara secara kecil-kecilan namun ketika itu negara dilanda wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan perniagaan saya terjejas teruk susulan masalah pengangkutan kerana kebanyakan pelanggan saya dari Sabah.

"Pada waktu itu, saya merasa gagal dan cuba untuk bangkit semula namun tidak berjaya," ujarnya mengakui peristiwa tersebut merupakan pengalaman yang tidak boleh dilupakan.

Meskipun ditimpa kejatuhan dalam bidang ternakan, namun dia bersyukur kerana semasa mengusahakan bidang tersebut dia juga aktif sebagai ahli Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Labuan.

Bermula daripada situ juga dia mendapat dorongan dan bimbingan untuk aktif dalam bidang pertanian.

Dia turut bersyukur dengan pelbagai bantuan yang diberikan oleh LPP antaranya menawarkan sebahagian tanah untuk mengusahakan tanaman berkonsepkan fertigasi.

"Pada tahun 2022, LPP telah menawarkan saya satu lot kawasan untuk memulakan tanaman secara fertigasi. Walaupun bermula dengan kosong tanpa sebarang pengalaman namun pihak LPP sentiasa memberikan tunjuk ajar dan panduan. Di situ saya memulakan tanaman sayur, cili dan buah-buahan sehingga ke hari ini," ujarnya ketika ditemui di Laman Hidroponik MAIWP Labuan, Kampung Sungai Bedaun.

Selain mengusahakan tanaman secara fertigasi, dia turut mengusahakan tanaman sayur salad secara hidroponik selepas menerima penawaran bantuan pertanian kepada golongan asnaf dari Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

"Usaha MAIWP untuk membantu mengeluarkan kami daripada kepompong asnaf berjaya sekali gus memberi peluang kepada saya berdiri sendiri tanpa mengharapkan bantuan bimbingan semata-mata.

"Saya telah diberikan satu lot rumah hijau bernilai RM60,000 iaitu merangkumi tapak, sistem, benih

permulaan, baja dan juga kursus pengendalian tanaman hidroponik

yang mula diusahakan pada Ogos 2023," ujarnya yang kini mampu menghasilkan lebih 2,000 salad setiap bulan untuk dipasarkan di sekitar Labuan.

Tambahnya sehingga ke hari ini, dia menerima tempahan sayur salad daripada kedai makan khususnya mereka yang berniaga menu makanan ayam penyet dan burger. Alhamdulillah, permintaan terhadap sayur salad ini amat tinggi walaupun ianya hanya untuk sekitar

Labuan sahaja.


"Untuk salad, saya hanya jual dengan kadar murah iaitu harga RM2 untuk setiap satu bekas. Bagi saya walaupun harga murah yang penting dapat membekalkan sayur yang sihat, berkualiti dan halal kepada masyarakat di pulau ini," ujarnya.

Menyentuh perancangan akan datang, Zulhafez berhasrat untuk mengembangkan bidang pertanian yang diceburi sekali gus mampu membekalkan sayur-sayuran yang segar kepada seluruh penduduk di pulau itu.

"Untuk mencapai hasrat itu, saya merancang menambah lagi lokasi tanaman yang bersesuaian agar dapat menghasilkan lebih banyak lagi sayur-sayuran terutamanya salad.

"Selain itu, besar harapan saya agar golongan muda khususnya menceburi bidang pertanian ini kerana ia amat berpotensi besar untuk berjaya memandangkan permintaan terhadap sumber makanan mentah tinggi," katanya.

Dengan hasil tanaman saladnya yang dipasarkan kepada beberapa buah restoran dan kedai sekitar pulau ini, dia dan isteri mampu memperolehi pendapatan mencecah ribuan ringgit sebulan.

"Saya dan keluarga bersyukur kerana ia lebih daripada cukup untuk menampung perbelanjaan seharian," ujarnya. 





PAPADOM kini boleh didapati di Book Capital Mall, Kota Buku.

Boleh juga tebus baucar DELIMA untuk **PAPADOM**.

harga
RM19.90







ZULKIFLI SULONG

PERTUBUHAN Peladang Kebangsaan (NAFAS) adalah badan induk yang menjadi tempat bernaung para petani dan pekebun kecil di negara ini. Namun, kini NAFAS telah digantung oleh Pendaftar Pertubuhan Peladang ekoran kekecohan yang berlaku hasil siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Arahan penggantungan itu dikeluarkan Ketua Pengarah Pertubuhan Peladang, Amir Matamin selaku Pendaftar Pertubuhan Peladang di bawah Seksyen 20(1) Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109).

Katanya, dalam tempoh penggantungan itu, jemaah pengarah dan pihak pengurusan NAFAS tidak mempunyai kuasa seperti diperuntukkan dalam perlembagaan pertubuhan itu.

"Penggantungan itu berkuat kuasa 1 November 2024 sehingga penarikan balik yang akan dimaklumkan kelak," katanya pada sidang media reformasi tatakelola NAFAS, di Menara LPP baru-baru ini.

Semasa tempoh penggantungan, NAFAS akan diurus dan ditadbir oleh pentadbir-pentadbir yang akan dilantik untuk mengurus hal ehwal pertubuhan itu.

Penggantungan ini ekoran kekecohan dan penyiasatan SPRM terhadap NAFAS.

Pada 29 Oktober lalu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan pihaknya memulakan siasatan dan pembongkaran berhubung penyelewengan dan ketirisan projek pembekalan baja padi sebuah pertubuhan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Ekoran pengumuman SPRM itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata pihaknya akan memberikan kerjasama penuh terhadap siasatan ke atas NAFAS ini.

Dalam masa sama, beliau juga



AMIR pada pada sidang media reformasi tatakelola NAFAS, di Menara LPP baru-baru ini.

APABILA PAGAR MAKAN PADI

menegaskan kementerianya tidak akan masuk campur dalam urusan siasatan SPRM itu.

"Kita tidak mahu lagi amalan menyakau terus berleluasa dalam mana-mana agensi atau badan di bawah pentadbiran kementerian.

"Kita mahu NAFAS pada masa akan datang menjadi sebuah pertubuhan yang benar-benar memberikan kesejahteraan dan kemakmuran kepada lebih 600,000 ahlinya," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga berkata pihak berkuasa mempunyai hak untuk menjalankan siasatan terhadap mana-mana agensi kerajaan.

"Saya dah lama marah kepada kartel ini, kartel ini maknanya apa? kelompok kecil jaga dia (sesama mereka) bukan jaga rakyat.

"Siapa sahaja tanpa terkecuali, kalau ada kes, SPRM masuk. Kalau kes jenayah, PDRM (akan) masuk, tak kira dia jabatan apa, pangkat

apa, syarikat kerajaan ka atau syarikat swasta.

"NAFAS betul bebas tetapi di bawah pengawasan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan," katanya pada Karnival Penjaja dan Peniaga Kecil Kebangsaan 2024 (HPPK2024).

Bagi bekas Ahli Lembaga Pengarah NAFAS ketika Kerajaan PH 1.0 dahulu, Hishamuddin Ghazali atau lebih dikenali sebagai Sham Ghaz, pihak pembangkang memainkan naratif kononnya lima orang Ahli Jemaah Pengarah bersama beliau yang terlibat dalam skandal baja NAFAS RM1.8 bilion yang ditahan SPRM berberapa hari lepas.

Padahal, katanya, merekalah yang membuat laporan kepada SPRM dan kuburkan kartel baja di NAFAS sebelum ia hidup balik zaman Kerajaan Perikatan Nasional (PN) memerintah negara selepas itu.

"Kami yang lawan rasuah,

penyelewengan dan salah guna kuasa pula dituduh terlibat dengan skandal baja?" tulis beliau melalui Facebooknya.

Menurut Sham Ghaz, ketika beliau dan rakan-rakannya menjadi ahli lembaga pengarah dahulu, mereka telah menjemput PriceWater Cooperhouse untuk membuat audit forensik semua akaun NAFAS dari tahun 2016 hingga 2018.

"Di situ kami temui pelbagai kesalahan membabitkan ratusan juta ringgit. Ia membabitkan pembelian bangunan pejabat NAFAS berpuluh juta, pembelian baja dari Vietnam berpuluh juta, pembelian padang sawit di Miri Sarawak bernilai beratus juta, pembelian baja bio berjuta-juta, penyewaan bangunan NAFAS di Bukit Bintang, pembelian bangunan kilang NAFAS Feedmill di Muar dan lain-lain.

"Hendak tahu agenda perubahan yang kami buat dalam masa setahun

di NAFAS adalah berjaya kumpul tunai lebih RM800 juta dalam tangan, daripada rugi berpuluh juta," dakwa beliau lagi.

APA YANG BERLAKU SEBENARNYA?

PADA 3 November lepas, SPRM telah menahan reman dua bekas pengurus besar susulan siasatan salah guna kuasa membabitkan kartel perolehan baja bernilai kira-kira RM60 juta.

Pendaftar Mahkamah Majistret Putrajaya, Syahrul Sazly Md Sani membenarkan kedua-dua suspek lelaki berusia lingkungan 50 hingga 60-an direman selama tiga dan empat hari iaitu sehingga 5 serta 6 November selepas permohonan dibuat SPRM, pagi Ahad.

Menurut sumber, kedua-dua suspek ditahan sekitar pukul 8.30 malam 2 November ketika hadir di Ibu Pejabat SPRM bagi dirakamkan keterangan.

"Kedua-dua suspek ditahan bagi membantu siasatan terhadap kartel perolehan baja membabitkan sebuah pertubuhan badan awam yang dipercayai mempunyai unsur rasuah dan salah guna kuasa," katanya.

Untuk rekod, sehingga hari ini seramai lima individu telah ditahan antaranya pengerusi syarikat warga asing dan seorang eksekutif pemasaran syarikat yang didakwa menjadi pemudah cara penggunaan nama sebuah syarikat yang tidak aktif (dorman) dari Singapura untuk menerima kontrak NAFAS.

Bagi bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaludin yang kini bercakap apa sahaja menerusi rancangan Keluar Sekejap (KS) beliau, skandal NAFAS adalah lebih besar dari skandal FashionValet yang juga diperkatakan sekarang ini.

Ini kerana, ia melibatkan kepercayaan negara dan harapan petani dan peladang untuk memastikan makanan kita cukup. Ini sebenarnya kes harapan pagar, pagar makan padi, bukan biasa-biasa.

INI adalah sekadar pandangan dan catatan daripada seorang wartawan berdasarkan pemerhatian beliau.

Situasi menang-menang

BARU-BARU ini timbul isu mengenai perubahan waktu daftar masuk dan daftar keluar hotel serta rumah inap (*homestay*) yang menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan orang ramai.

Lazimnya waktu daftar masuk hotel dan rumah inap ialah pukul 3 petang sementara waktu daftar keluar atau *check out* pukul 12 tengah hari keesokan hari. Tetapi dilaporkan ada hotel yang menguatkuasakan waktu masuk pukul 4 petang dan keluar pukul 11 pagi.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, langkah ini kurang adil untuk pengguna. Selama ini pun jika masuk pukul 3 petang dan keluar pukul 12 esoknya, waktu berada di hotel hanya 21 jam. Jika masuk lagi

lewat dan keluar lebih awal, lagi kurang masa di premis.

Ramai warga Malaysia suka melancong terutama pada hujung minggu atau musim cuti panjang. Inilah masa membawa keluarga bersantai.

Tidak kisah destinasi pelancongan dituju, tanah tinggi atau pulau atau lokasi popular negara, tempat penginapan yang sering menjadi pilihan keluarga ialah hotel atau rumah inap. Banyak bilik hotel dan rumah inap tersedia memenuhi permintaan.

Oleh itu, kawan-kawan Kedai Kopi berharap pengendali premis berkenaan wajar memberi mereka jangka waktu munasabah untuk berada di premis.



Operasi khas motosikal

BERMULA 1 November lalu, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) melancarkan Operasi Khas Motosikal Tahun 2024 di seluruh negara untuk tempoh dua bulan sehingga 31 Disember.

Memetik Ketua Pengarah JPJ, Datuk Aedy Fadly Ramli, operasi ini diadakan ekoran peningkatan statistik kemalangan bulanan yang membawa kepada kematian di mana sejumlah besarnya melibatkan motosikal. Trend ini sangat membimbangkan.

Jika diteliti laporan media, saban hari ada laporan kemalangan melibatkan motosikal, sama ada kerana kecuaiannya sendiri atau melibatkan kenderaan lain. Oleh itu, kawan-kawan Kedai Kopi sokong usaha JPJ untuk mengurangkan kematian dan kecederaan

akibat kemalangan.

Melalui operasi ini, penguatkuasaan memberi tumpuan kepada memantau, mengesan dan bertindak terhadap pemilik dan penunggang yang didapati melanggar peraturan jalan raya sehingga membawa kepada kemalangan.

Daripada pemerhatian kawan-kawan Kedai Kopi di Kuala Lumpur, ramai penunggang motosikal yang tidak mematuhi peraturan jalan raya. Mereka memecut ketika lampu merah atau mencelah di antara kenderaan lain sehingga membahayakan pengguna jalan raya.

Kawan-kawan Kedai Kopi sendiri pernah pecah lampu isyarat belakang kereta kerana dilanggar oleh penunggang motosikal.



RAJA Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah mencemar duli ke Pameran Kraftangan di Dewan Komuniti Kampung Sungai Lada sempena lawatan rasmi selama dua hari ke Labuan. Seri Paduka Baginda diiringi Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa dan Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, Datuk Noridah Abdul Rahim.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri China, Li Qiang dalam mengukuhkan lagi hubungan persahabatan kedua-dua negara yang kini mencecah usia 50 tahun.



MENTERI Komunikasi, Fahmi Fadzil menghadiri sesi ke-40 Jawatankuasa Tetap Kerjasama Ekonomi dan Komersial (COMCEC) Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) sempena lawatan kerja tiga hari ke Turkiye.



PENGERUSI YWP Media Sdn Bhd, Datuk Afdlin Shauki Aksan menghadiri tayangan amal filem Mereka Yang Tertawas arahan oleh Datuk Zulkefli M. Osman anjuran Muafakat MARA Malaysia.



MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming menghadiri Persidangan Perhimpunan Perniagaan World Urban Forum (WUF) yang berlangsung di Kaherah.



MENTERI Digital, Gobind Singh Deo ketika lawatan ke Smart City World Expo Congress 2024 di Barcelona, Sepanyol yang berlangsung selama tiga hari.

REFORMASI STRATEGIK MENUJU KESEJAHTERAAN

PROFESOR DATUK SERI DR NOOR AZUAN ABU OSMAN

KESEJAHTERAAN sosial terutamanya menerusi reformasi strategik Belanjawan 2025 oleh Perdana Menteri pada 18 Oktober 2024 menjadi kayu ukur utama dalam percaturan pembangunan mampan dan juga kemajuan nasional, di mana pembelajaran sepanjang hayat dan juga kapasiti infrastruktur dan modal insan menjadi tunjang dalam pencapaian objektif ini. Ianya ditambahkuatkan lagi dengan suntikan kerajaan dengan peruntukan sejumlah 18 bilion kepada Kementerian Pendidikan Tinggi.



NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYA
DAN FELO AKADEMI
SAINS MALAYSIA

Pembangunan kapasiti modal insan dan juga pencapaian dalam sektor kritikal termasuklah teknologi, digital, keterjaminan keselamatan sumber dan rangkaian bekalan serta kemajuan bidang tujahan baharu termasuk kepintaran buatan, ekonomi digital, sumber tenaga baharu dan hijau serta mineral.

Universiti Malaya (UM), selari dengan hasrat dan tujahan baharu hala tuju negara, terus mengangkat norma dan lembaran baharu untuk bertindak selari dengan langkah reformasi strategik untuk berfokus kepada domain kritikal baharu, selari dengan status UM sebagai pelopor pendidikan tinggi negara dan menjadi nadi utama dalam hasrat hala tuju negara mencapai kesejahteraan seimbang dalam semua aspek.

Manfaat dan impak kepada masyarakat umum perlu memberi kesan langsung kepada domain kemajuan mobiliti sosial di mana peluang untuk berkembang dan meningkatkan kedudukan sosial perlu berasaskan platform pendidikan tinggi yang berkualiti dan peluang yang meluas bagi semua.

Hanya melalui pendidikan tinggi dan akses kepada pendidikan yang menyeluruh, ia akan memberi impak langsung kepada manfaat peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan isi rumah, usaha dan impak menangani isu sosial dan kadar kemiskinan, meningkatkan kemakmuran pendapatan isi rumah gabungan serta memberi kesan langsung yang kolektif kepada kemajuan status ekonomi dan kuasa negara dengan peningkatan kapasiti modal insan dan bakat berkemahiran tinggi.

Oleh itu, peruntukan kepada penyelidikan baharu, bidang saintifik kritikal dan sektor pendidikan tinggi keseluruhan adalah penting dalam menyediakan impak pelbagai penjuru kepada pelbagai sektor kritikal dalam negara dan pada masa yang sama menyediakan penyelesaian kemelut sistemik.

Ini akan menutup jurang geografi, demografi, ekonomi, sosial, budaya, pendapatan dan pembangunan yang masih wujud dan telah menjadi halangan dalam usaha negara untuk menjadi sebuah negara maju yang seimbang dengan konsep kemakmuran, kemajuan dan negara berpendapatan tinggi yang selaras dengan konsep MADANI dan pertumbuhan seimbang masa depan.

Kedatangan cabaran baharu dan perubahan pesat dalam arena geopolitik,



KEMAJUAN selari dan sama rata daripada semua sektor diperlukan bagi memastikan negara terus maju.

keselamatan dan teknologi akan menuntut agenda reformasi baharu yang berani serta transformasi dalam bidang pendidikan tinggi dan penyelidikan.

Cabaran dan impak langsung ancaman konvensional dan bukan konvensional daripada peningkatan konflik keselamatan dan ketegangan sehingga kepada kesan perubahan iklim yang berterusan serta domain keselamatan tenaga dan makanan, semuanya memerlukan universiti berani dalam perubahan struktur dan sistemik untuk memenuhi keperluan masa depan.

Tumpuan utama harus diberikan kepada strategi dua hala iaitu membangunkan modal insan bertaraf dunia dan holistik serta hasil penyelidikan yang kukuh dan berdaya tahan yang boleh menjadi asas utama peralihan negara ke arah negara berpendapatan tinggi yang diperkukuh dengan asas ekonomi dan teknologi yang bertaraf global untuk mencapai status negara maju dan sebagai kuasa tengah yang semakin berkembang dalam domain kuasa komprehensif, baik dalam matlamat iklim dalam agenda kehidupan lestari dan dalam kemakmuran ekonomi serta sosial.

MODAL INSAN TERBAIK

DALAM mencapai matlamat dua hala ini, pelaburan yang betul mesti dibuat dalam bidang teknologi menyeluruh dan sokongan infrastruktur dalam sistem pengajaran dan pembelajaran serta dalam ekosistem penyelidikan yang harus menjadi pemudah dalam menyediakan pelajar, penyelidik dan ahli akademik dengan aset nyata komprehensif terkini yang diperlukan dalam penyelidikan baharu, penciptaan pengetahuan dan keupayaan penyerapan pengetahuan.

Selain itu, langkah seterusnya adalah melabur dalam mendapatkan modal insan terbaik untuk membangunkan bakat tempatan dan generasi baru kita sendiri.

Pelaburan dalam keupayaan fizikal dan keupayaan insani mesti dilakukan secara

“Tumpuan utama harus diberikan kepada strategi dua hala iaitu membangunkan modal insan bertaraf dunia dan holistik serta hasil penyelidikan yang kukuh dan berdaya tahan.”

serentak dalam menyemarakkan sistem sokongan komprehensif dalam reformasi baharu sistem pendidikan tinggi.

Jurang utama yang masih wujud ialah ekosistem standard dan kualiti keseluruhan dalam penyelidikan dan domain akademik yang tidak sepenuhnya menangani permintaan dan keperluan utama perubahan pesat isu dan cabaran global dalam inti pati pengurusan punca masalah dan penyelesaiannya. Kelemahan struktur ini disebabkan oleh jurang yang semakin meningkat dalam tahap standard dan kualiti kedua-dua sokongan teknologi dan modal insan.

Oleh itu, kita perlu menangani kekurangan pembiayaan dalam bidang pertumbuhan geostrategik yang kritikal dan pulangan kepada negara, dalam bidang peralihan tenaga, teknologi tinggi dan ekonomi digital, kemajuan saintifik dan kesihatan dan mineral kritikal yang memerlukan sokongan pembiayaan jangka panjang, infrastruktur dan modal insan yang konsisten dan tertumpu bagi memastikan institusi tempatan kita dapat mengukuhkan asas dan *fundamental* mereka untuk merapatkan jurang dengan institusi terkemuka dunia, terutama dalam bidang pembiayaan penyelidikan kritikal dalam bidang seperti kesihatan dan penyakit,

iklim dan alam sekitar, tenaga, digitalisasi serta peralihan ekonomi.

Bidang kemajuan digital dan Kecerdasan Buatan (AI) akan kekal sebagai salah satu bidang kritikal yang paling penting dan memberi pulangan strategik kepada negara dalam usaha kita untuk mencapai transformasi teknologi dan ekonomi.

Pelan komprehensif diperlukan untuk memastikan institusi utama di negara ini menerima sistem sokongan dari atas ke bawah dalam membangunkan pertumbuhan AI yang tertumpu yang akan melengkapkan rancangan pertumbuhan lain dalam bidang digital. Perkongsian pintar melalui sinergi dan kerjasama awam-swasta juga merupakan cara terbaik untuk memastikan kos dikurangkan, kepakaran digalakkan serta kecekapan dimaksimumkan.

AI kekal sebagai teras utama usaha ini dan sokongan pembiayaan yang tertumpu dengan hasil yang jelas dan impak yang nyata mesti dimulakan untuk membina ekosistem pembangunan AI jangka panjang dalam menggabungkan domain AI yang komprehensif dalam keseluruhan ekosistem pendidikan tinggi dan bidang berkaitan.

Pelbagai inisiatif termasuk Pelan Induk Perindustrian Negara 2030, Strategi Semikonduktor Negara dan Pelan Peralihan Tenaga Negara dengan sifar karbon bersih menjelang 2050, semuanya memerlukan penggunaan AI yang pintar dan tertumpu di semua peringkat.

Ini termasuk memastikan bahawa pelaksanaan dan pengoperasian AI akan didorong oleh masa depan, jangka panjang, tangkas dan berdaya tahan serta tidak mengulangi kesilapan masa lalu dalam perancangan dan penyelarasan yang lemah dari segi pemetaan, perancangan, pengagihan, pelaksanaan serta konsistensi penyelenggaraan dan pertumbuhan.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.



PRODUK-PRODUK tarikan pelancongan di Labuan semakin bertambah.

Prestasi kemajuan lebih baik

TIGA TASK FORCE PACU EKONOMI

KHAIRUL IDIN

TIGA pasukan petugas khas (*task force*) membabitkan Sektor Pelancongan, Pemandahan Kargo dan Jambatan Labuan - Menumbok menunjukkan prestasi kemajuan yang baik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata penubuhan tersebut untuk memacu semula pembangunan Labuan.

"Dari Task Force Pelancongan setakat ini kita melihat ia menunjukkan prestasi yang baik dan boleh melihat bahawa produk-produk pelancongan di Labuan semakin bertambah sama ada daripada pelancongan secara domestik mahupun peringkat antarabangsa.

"Penganjuran Borneo Art Festival (BAF) yang mempunyai unsur-unsur antarabangsa baru-baru ini juga menjadi satu acara yang menunjukkan sambutan yang amat baik.

"Pada BAF 2024 juga kita telah menerima penyertaan negara-negara jiran iaitu Brunei, Indonesia dan Filipina

dan saya berharap usaha ini harus diperkembangkan lagi.

"Saya melihat Task Force Pelancongan ini terus bergerak ke hadapan dengan usaha secara berterusan dalam mempromosikan produk-produk di Labuan," katanya.

Mengulas lanjut, Zaliha berkata bagi Task Force Pemandahan Kargo kapal ke kapal akan terus dilaksanakan melibatkan beberapa perbincangan di peringkat teknikal selain beberapa dasar yang perlu diselesaikan.


"Bagi perkembangan Task Force Jambatan Labuan - Menumbok, saya telah menerima berita daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) yang akan memberikan peruntukan awal sebanyak RM500,000 bagi pelaksanaan kajian teknikal.

"Alhamdulillah, lebih kurang dalam 10 bulan menjaga Labuan, kita nampak banyak perkembangan yang baik telah dicapai antaranya dari sudut jumlah penerbangan ke Labuan walaupun kita masih belum mendapat jumlah penerbangan yang diminta namun

setiap penerbangan ke Labuan sentiasa penuh.

"Ini jelas menunjukkan bahawa Labuan semakin dilawati oleh pengunjung luar. Selain itu, dari segi pertukaran kru sektor minyak dan gas juga turut diwujudkan semula di sini," katanya.

Dalam perkembangan sama, Zaliha memberitahu kesinambungan lawatan kerja beliau ke China baru-baru ini telah menyakinkan beberapa firma perindustrian di China menyasarkan peluang pelaburan di Labuan terutama dalam sektor kewangan dan pembangunan sekali gus menggariskan potensi Labuan sebagai hab ekonomi yang berdaya maju di Asia.

Beliau berkata lawatan kerja ke bandar utama China baru-baru ini seperti Hangzhou, Shanghai dan Shenzhen bertujuan membina hubungan dan memupuk minat pelabur di negara tersebut untuk melabur khususnya di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. 

Labuan terus diberi perhatian

KERAJAAN MADANI tidak pernah mengabaikan Labuan dalam pelbagai isu pembangunan yang membelenggu pulau bebas cukai itu.

Menurut Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi **Datuk Chan Foong Hin**, kerajaan telah menyalurkan dana melebihi RM300 juta untuk projek pembaikan infrastruktur bekalan air secara berperingkat.

Katanya, pembinaan projek janakuasa elektrik baharu oleh Petronas turut dijangka akan memastikan tiada gangguan bekalan elektrik kepada pengguna menjelang 2027.

"Dalam pembentangan Belanjawan 2025 oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, beberapa inisiatif utama dituju kepada Labuan dengan memfokuskan keselamatan, bantuan kebajikan dan kemudahan prasarana.

"Antara inisiatif utama termasuk meningkatkan keselamatan di Labuan dan Putrajaya melibatkan

pemasangan 180 kamera litar tertutup (CCTV) berdefinisi tinggi serta 45 butang cemas. Penduduk Labuan juga diberi diskaun tambang feri sebanyak RM7 juta untuk penumpang feri dan bot.

"Selain itu, rakyat di pulau ini juga akan menikmati peningkatan bantuan kebajikan dengan kadar Bantuan Am Wilayah Persekutuan dinaikkan kepada RM150 sebulan dengan kadar maksimum sekeluarga sebanyak RM500," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata Kementerian Pengangkutan turut memperkenalkan bantuan subsidi sempena musim perayaan untuk penerbangan antara Semenanjung Malaysia dan Sabah, Sarawak dan Labuan dengan kadar harga tiket tidak melebihi RM599.

"Inisiatif ini bertujuan meringankan beban penumpang. Gangguan penerbangan yang melibatkan MAS kini juga diatasi dengan penambahan penerbangan sebanyak 139,578 tiket oleh AirAsia dan Batik Air," katanya.



FOONG HIN (tengah) meninjau keadaan fasiliti di Jeti Pelabuhan Megah Port Management Sdn Bhd baru-baru ini.

Hotel Tiara diiktiraf lima bintang


HOTEL Tiara Labuan berjaya mengekalkan status pengiktirafannya sebagai pusat peranginan bertaraf lima bintang menerusi penerimaan sijil rasmi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), baru-baru ini.

Pengarah Urusan Hotel Tiara Labuan, **Chai Tze Khee** berkata pihaknya menzahirkan penghargaan kepada MOTAC Labuan di atas pengiktirafan sekali gus mempercayai mutu perkhidmatan terbaik pihak hotel.

"Kejayaan ini merupakan hasil usaha

keras yang diberikan oleh kakitangan Hotel Tiara Labuan yang sentiasa komited dalam mengurus hotel ini dengan baik.

"Pengiktirafan ini amat bermakna kerana kami berjaya mengekalkan pengiktirafan ini pada tahun 2024 dan kami akan sentiasa memberikan perkhidmatan dan kemudahan bermutu tinggi," katanya.

Terdahulu, penyampaian sijil disempurnakan Pengarah MOTAC Labuan, Khairul Amin Abdul Rashid dalam satu majlis pengiktirafan di sini. 



KHAIRUL (kiri) menyampaikan sijil pengiktirafan status lima bintang kepada Tze Khee.

Pusat Mediasi Komuniti Putrajaya

BINA MASYARAKAT HARMONI

SABRINA SABRE

PUSAT Mediasi Komuniti Putrajaya (PMK) menjadi bukti komitmen kerajaan dalam membina masyarakat yang harmoni, toleransi dan bersatu padu.

Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, **Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad** berkata mediasi komuniti adalah salah satu cara yang efektif untuk menyelesaikan konflik atau perselisihan secara aman dan berhemah tanpa perlu melalui proses undang-undang yang rumit dan memakan masa.

"Melalui pendekatan mediasi, pihak-pihak bertelagah diberi ruang untuk berdialog, berbincang dan mencapai penyelesaian yang adil serta damai secara situasi menang-menang.

"Inisiatif itu penting dalam menjaga hubungan sesama komuniti khususnya Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum dan budaya.

"Peranan mediator profesional dan berkecuali akan membantu mengelakkan perselisihan kecil daripada menjadi konflik besar yang boleh mengancam keharmonian komuniti," ujarnya.

Dalam masa sama, beliau berkata proses mediasi turut membantu mendidik masyarakat tentang pentingnya sikap toleransi dan persepahaman dalam menyelesaikan

isu-isu yang mungkin timbul akibat perbezaan pandangan, budaya atau kepercayaan.

"Ini menggalakkan hubungan yang lebih baik di antara anggota masyarakat sekali gus memupuk perpaduan yang lebih erat dalam kalangan pelbagai kaum, agama dan latar belakang.

"Bagi mendapatkan khidmat PMK, individu terbabit hanya perlu menghubungi pusat mediasi berkenaan untuk mendapatkan tarikh janji temu. Tiada bayaran dikenakan," ujarnya.

Perkhidmatan mediasi telah mula diperkenalkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sejak 2007 dan sehingga kini terdapat lapan PMK di seluruh negara.

JPNIN telah menjalinkan kerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bagi melatih warga rukun tetangga, pegawai JPNIN dan pemimpin agama dengan kemahiran mediasi.

Setakat ini, seramai 571 mediator komuniti berjaya ditauliahkan dan memberi khidmat secara sukarela tanpa apa-apa bayaran.

Sementara di PMK Putrajaya, terdapat 33 mediator komuniti yang memainkan peranan secara aktif berkhidmat kepada komuniti. 📌



HASNOL (dua kiri) dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Fadlun Mak Ujud (dua kanan) pada Majlis Perasmian Pusat Mediasi Komuniti Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Jadi penanda aras

KEJOHANAN Seni Mempertahankan Diri Piala Presiden Perbadanan Putrajaya 2024 yang berlangsung di Gelanggang Mokhtar Dahari, Kompleks Futsal Presint 18, Putrajaya pada Sabtu lalu dilihat mampu menjadi penanda aras kepada penganjuran acara sukan Muay Thai berskala besar di negara ini.

Menurut Naib Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Nik Shukri Nik Soh**, acara yang diadakan itu berjaya menarik penyertaan 92 orang petinju dari seluruh negara yang bertanding dalam dua acara iaitu Muay Thai Amatir dan Muay Thai Profesional.

"Penganjuran pertandingan dengan kerjasama Persatuan Muay Wilayah Persekutuan Putrajaya dan disokong oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) serta Persatuan Muaythai Malaysia ini dilihat mampu menjadi platform untuk membakar semangat anak-anak muda bagi menceburi bidang sukan berkenaan suatu hari nanti.

"Sukan Muay Thai mempunyai peminat yang ramai di negara ini dan kita yakin mampu menarik golongan muda untuk menyertainya sekali gus dapat mencungkil bakat ramai lagi petinju tempatan yang berbakat," ujarnya.

Dalam masa sama, Nik Shukri berkata Kejohanan Seni Mempertahankan Diri Piala Presiden



AKSI para petinju ketika Kejohanan Seni Mempertahankan Diri.

PPj yang julung kali diadakan itu menjadi pemangkin kepada penganjuran yang sama pada tahun ini.

"Muay Thai juga antara seni mempertahankan diri yang dipilih oleh Penguat Kuasa PPj sebagai salah satu rutin latihan kecergasan kerana ia memberikan kelebihan daripada sudut kecergasan dan kesihatan kepada anggota penguat kuasa.

"Muay Thai merupakan satu bentuk seni mempertahankan diri yang unik serta sesuai untuk semua golongan sama ada lelaki, wanita mahupun kanak-kanak kerana ia boleh dijadikan sebagai hobi dan gaya hidup yang sihat," ujar beliau.

Terdahulu, perlawanan dimulakan dengan 80 orang petinju amatir di dalam acara Muay Thai

Amatir di mana juara menerima hadiah berupa medal serta sijil penyertaan manakala pada sebelah malam sebanyak 12 orang petinju Muay Thai Profesional bertarung bagi merebut gelaran juara.

Menariknya, beberapa acara selingan aliran seni bela diri turut dipertontonkan antaranya acara Demonstrasi Sukan Taekwondo, Demonstrasi Sukan Silat, Demonstrasi Sukan Muay Thai (Muay Boran) dan Demonstrasi Sukan Silambam.

Dalam kejohanan itu, johan telah disandang oleh Umar (Malaysia) diikuti Kasra Elahi (Iran) bagi naib johan. Pemenang tempat pertama berjaya membawa pulang wang tunai dan tali pinggang gelaran manakala naib juara menerima piala dan wang tunai. 📌

Ubah persepsi PKBM bermasalah

BANTU SKUAD LEBUH RAYA

SABRINA SABRE

TAHUN 2025 bakal menjadi era baharu buat dunia sukan berbasikal negara dengan memfokuskan ke arah meyakinkan penaja bagi menjamin kecemerlangan khususnya untuk skuad lebuah raya kebangsaan.

Presiden Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM), **Datuk Amarjit Singh** berkata skuad lebuah raya perlu dibantu dengan segala cara selepas berjaya mencipta beberapa kejayaan termasuk memenangi emas pada Sukan SEA 2023 Kemboja.

Bagaimanapun, beliau mengakui PKBM sukar mendapat kepercayaan penaja bagi meneruskan rentak kegemilangan skuad lebuah raya kebangsaan yang pernah muncul pasukan terbaik Asia pada Le Tour de Langkawi (LTdL) 1999.

"Saya difahamkan skuad lebuah raya Thailand menerima banyak penajaan daripada syarikat swasta negara itu, jadi kenapa perkara yang sama tidak berlaku di Malaysia?"

"Pada mesyuarat EXCO pertama yang dipengerusikan oleh saya, kita



AMARJIT (empat kanan) bersama barisan EXCO baharu PKBM.

bincang secara kritikal berkaitan perkara ini. Kita mahu ubah persepsi bahawa PKBM ialah sebuah persatuan yang bermasalah," ujarnya.

Dalam pada itu, Amarjit yang juga Naib Presiden Konfederasi Berbasikal Asia (ACC) dan

Setiausaha Agung Persekutuan Berbasikal ASEAN (ACF) berharap akan ada penaja yang sudi tampil membantu skuad lebuah raya kebangsaan dalam persediaan menghadapi Sukan SEA 2025 Thailand.

Beliau berkata ketika ini skuad


lebuah raya berlatih di dalam negara dan tidak menerima bantuan kewangan yang banyak seperti diterima skuad berbasikal trek negara.

Sebagai rekod, skuad lebuah raya menerima penajaan daripada syarikat terkemuka pada 1998

dan diteruskan dengan penajaan daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS), namun sejak akhir tahun 2013 PKBM tidak lagi menerima penajaan atau bantuan kewangan khususnya daripada KBS.

Sementara itu, Mesyuarat EXCO PKBM baru-baru ini itu turut merombak beberapa biro dalam usaha memastikan persatuan berkenaan kekal relevan sebagai penyumbang tradisi pingat pada Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan SEA.

Amarjit mengekalkan kedudukannya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Trek dan Tatatertib manakala Timbalannya Mazlan Md Jail mengetuai Jawatankuasa Antidoping.

Naib Presiden PKBM, Norazman Abu Samah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Lebuah Raya manakala bekas Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin memegang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Kewangan, Cycling for All dan Pindaan serta Tugas-Tugas Khas. 

RM10 juta bina stadium e-sukan baharu

SEBANYAK RM10 juta daripada keseluruhan RM20 juta yang diperuntukkan bagi pembangunan ekosistem e-sukan menerusi Belanjawan 2025 akan digunakan untuk pembinaan stadium e-sukan baharu.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, **Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi**, pembinaan stadium e-sukan baharu itu bertujuan untuk menyokong dan menggalakkan lagi pembangunan industri berkenaan pada masa hadapan.

"Kita ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana dalam ucapan pada Belanjawan lepas (18 Oktober), beliau telah umumkan peruntukan sebanyak RM20 juta untuk e-sukan.

"Daripada jumlah berkenaan, RM10 juta akan digunakan untuk dibangunkan stadium khusus buat e-sukan manakala bakinya adalah untuk latihan dan juga aktiviti lain berkaitan dengan e-sukan," ujar beliau.


Terdahulu, Anwar pada pembentangan Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat mengumumkan kerajaan bersetuju menyediakan RM20 juta untuk memperkasakan ekosistem e-sukan meliputi pembangunan bakat serta naik taraf arena e-sukan.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata dalam industri e-sukan, Sarawak telah mengambil langkah ke hadapan dengan membina Pusat Kecemerlangan Teknikal Sarawak (CENTEXS) bagi pembangunan sukan itu.

"Langkah yang diambil oleh kerajaan Sarawak juga boleh dicontohi Johor memandangkan e-sukan tidak hanya dilihat sebagai sukan permainan dalam semata-mata, bahkan boleh dijadikan sebagai punca pendapatan.

"Semua pihak perlu memanfaatkan ekosistem e-sukan yang semakin berkembang pada Kadar Pertumbuhan Tahunan Berkumpul (CAGR) sebanyak

12.6 peratus.

"Industri e-sukan berpotensi besar untuk dikembangkan melalui program khas Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) termasuk kemahiran seperti kewartawanan dan pengulas, produksi penyiaran, pengurusan pasukan, kejurulatihan, penganjuran acara dan kerja-kerja teknikal," ujarnya. 



AHMAD ZAHID (empat kanan) berkesempatan menyaksikan Grand Final Mobile Legends Professional League (MPL) Malaysia Musim Ke-14 (MPL MY S14).

Boling padang tidak dipertandingkan

SUKAN boling padang yang menjadi lubuk emas Malaysia disahkan tidak akan dipertandingkan pada Sukan SEA Thailand 2025.


Presiden Persekutuan Lawn Bowls Malaysia (PLBM), **Datuk Awalan Abdul Aziz** berkata keputusan itu dibuat pada Mesyuarat Majlis Persekutuan Sukan SEA (SEAGF) yang diadakan di Thailand pada 25 Oktober lalu.

Beliau berkata pihaknya kecewa dengan keputusan itu memandangkan Thailand mempunyai kemudahan yang baik apabila pernah menganjurkan Kejohanan Boling Padang Asia di Pattaya, Mac lepas.

"Kami sudah berusaha sedaya upaya untuk memastikan boling padang dipertandingkan di Sukan SEA Thailand 2025 dan ia juga mendapat sokongan daripada beberapa negara lain.

"Walau bagaimanapun apabila dibentangkan dalam mesyuarat pada 25 Oktober, Thailand menyatakan mereka tidak bersedia jadi tuan rumah acara boling padang. Kita tidak mampu berbuat apa-apa kerana mereka adalah tuan rumah," ujar beliau.

Sebelum ini, Majlis Olimpik Malaysia (MOM) menyatakan hasrat mengemukakan rayuan agar boling padang dipertandingkan di Sukan SEA Thailand 2025 selepas sukan itu tidak disenaraikan sebelum ini.

Kali terakhir boling padang dipertandingkan adalah pada temasya Sukan SEA ketika edisi 2019 di Filipina dengan skuad negara meraih empat pingat emas dan dua gangsa daripada enam acara dipertandingkan. 

MASIH RELEVAN KONSERT OTAI?

BARU-BARU ini ada yang mendakwa kononnya sesebuah konsert hanya sesuai dijayakan oleh artis muda dan tidak relevan buat penyanyi veteran (otai).

Hakikatnya artis otaai telah membuktikan kejayaan mereka bertahan selama berpuluh-puluh tahun dalam

industri selain dalam masa sama lagu-lagu mereka malar segar dan menjadi siulan sehingga ke hari ini.

Bagi mengupas isu tersebut, wartawan **DEEL ANJER** berkesempatan menemu bual penyanyi legenda Ramlah Ram, Amir UK's serta penganjur yang juga penyanyi, Sufi Rashid.



Disiplin jaga bakat kurniaan

LEBIH tiga dekad membina kerjaya dalam bidang seni suara, penyanyi terkenal **Ramlah Ram** bersyukur masih mampu bertahan dan diterima peminat sehingga ke hari ini.


Akui Ramlah, dia kurang bersetuju jika ada pihak yang mendakwa penyanyi otaai tidak relevan untuk menjayakan konsert kerana ramai yang mengikuti perkembangan muzik semasa dan berdisiplin dalam menjaga kualiti bakat kurniaan Tuhan.

"Bagi saya, kalau nak kata tak relevan, rasanya tidak sesuai sebab ramai artis otaai yang menjayakan konsert seperti Datuk M. Nasir, Ella, Datuk Jamal Abdullah, Wings, Search dan ramai lagi.

"Saya sendiri pun akan muncul dengan Konsert Mega Hitz Vol 1 tu pada 25 Januari depan bersama Datuk Hattan, Norshila Amin, Zur Eda, Nash dan sebagainya. Mereka semua otaai-otai," katanya.

Dalam masa yang sama, selain sibuk dengan undangan nyanyian, Ramlah sibuk dengan rakaman lagu di studio.

"Saya akan muncul dengan tiga lagu baharu. Insya-Allah, saya akan lancar satu persatu. Buat masa ini tajuk-tajuk lagu itu adalah Mendua, I Love You dan Berbeza.

"Selain itu, saya juga akan merakamkan semula lagu-lagu saya Kau Kunci Cintaku Dalam Hatimu, Selamat Jalan Romeo dan Diam-Diam Jatuh Cinta yang biasa dinyanyikan dalam persembahan. Kiranya nak beri nafas baharu dan kelainan," ujarnya yang kini mengusahakan produk kosmetik RVR. 

'Artis dulu-dulu lain kualitinya' - Amir UK's

BAGI vokalis band legenda UK's, **Amir**, artis otaai atau veteran mempunyai kualitinya yang tersendiri dan patut diberi peluang menjayakan konsert kerana kualiti nyanyian yang terbukti hebat membuatkan mereka relevan sehingga masa kini.

"Artis otaai ini lain kualitinya. Kita rekod lagu zaman analog. Bukan mudah. Berbeza dengan sekarang. Inilah masanya orang nak tengok balik kehebatan artis-artis zaman analog membuat persembahan *live*. Jadi, mereka sesuai untuk jayakan konsert.

"Pada saya memang relevan untuk artis-artis otaai menjayakan konsert. Beri peluang. Ini kerana mereka pernah menguasai pasaran. Bukan sedikit," katanya.


Kehebatan artis-artis otaai bukanlah calang-calang dan belum tentu boleh dicapai oleh penyanyi sekarang.

"Saya kagum dengan Datuk Awie.

Dalam usia sekarang dia masih boleh capai not yang tinggi seperti lagu asal yang dirakam dalam studio. Kualiti suara itu yang hebat.

"Iyalah, kita ni semakin berumur, suara semakin berubah. Untuk kekalkan kualiti suara, ada banyak cara. Bagi saya, perkara paling penting adalah tidur yang cukup," katanya.

Amir juga berpendapat, artis-artis veteran perlu kembalikan populariti mereka dengan bekerjasama atau *featuring* bersama artis muda.

"Ini secara tak langsung mempromosi kembali artis veteran untuk lebih dikenali. Apabila ada kerjasama sebegini, secara tak langsung membuka mata penganjur," tambahnya. 



Penganjur perlu main peranan

PENGANJUR konsert, **Sufi Rashid** menerusi syarikatnya SAH Entertainment berpengalaman menganjurkan banyak konsert melibatkan artis popular dalam dan luar negara antaranya Datuk Seri Siti Nurhaliza, Datuk Seri Rossa, Cakra Khan dan ramai lagi.

Menurut Sufi, tidak adil jika ada pihak mendakwa artis otaai kurang relevan untuk menjayakan sesebuah konsert.

"Kalau ikutkan, banyak lagu artis-artis otaai ini yang orang ingat sampai ke hari ini. Cuma tinggal lagi bagaimana penganjur atau *promoter* konsert merancang atau cari jalan yang sesuai untuk jayakannya.

"Tidak semestinya artis-artis veteran tak relevan untuk menjayakan konsert. Saya yakin mereka ada peminat tersendiri. Apabila sebut konsert, ia melibatkan banyak perkara dan bukannya bersandarkan kepada artis semata-mata.

"Satu tanggapan yang silap apabila penganjur memilih artis otaai dan menyerahkan segalanya termasuk hal penjualan tiket kepada artis itu semata-mata," katanya.

Sufi berkata penganjur perlu mempunyai perancangan yang teliti sebelum membuat pengumuman konsert.

"Mereka perlu merancang bagaimana mahu tarik perhatian peminat. Selain dapat berhibur dengan persembahan artis kesayangan mereka, penganjur perlu fikir apa kelebihan atau keistimewaan yang pembeli tiket akan dapat jika datang ke konsert itu.


"Misalnya sebelum ini saya anjurkan konsert NewBoyz. NewBoyz adalah antara band yang sangat lama menyepi, tapi tim saya berjaya jual tiket sehingga *sold out* yang melibatkan 5,000 penonton di Singapura.

"Jadi sebenarnya kita kena ada banyak perancangan untuk menjayakannya, bukan jual tiket semata-mata. Misalnya enam bulan sebelum konsert, artis memainkan peranan untuk muncul dengan pelbagai konten atau publisiti tentang mereka.

"Tak kisahlah sama ada muncul dengan lagu baharu atau cerita peribadi yang boleh menarik perhatian orang. Jadi ini secara tak langsung, mendekatkan mereka dengan peminat," ujarnya.

Menurut Sufi lagi, pembeli tiket juga adalah dari kalangan mereka yang melihat konsep keseluruhan konsert yang bakal dijayakan.

"Kadang-kadang orang beli tiket bukan sebab artis itu semata-mata. Mungkin konsep konsert yang ditampilkan, gubahan lagu oleh pasukan orkestra hebat dan sebagainya.

"Jadi kesimpulannya, jangan cakap artis otaai ini tidak relevan untuk jayakan konsert sebab banyak cara untuk melaksanakannya," tambahnya lagi. 



'Artis otai lain
kualitinya'
- Amir UK's
▷▷23



Bakar semangat
anak muda ▷▷22

Majikan, pekerja tidak solat

JEJAS KEBERKATAN ORGANISASI

AZLAN ZAMBRY

SESEBUAH organisasi berpotensi tempang dan hilang keberkatan sekiranya ketua atau pemimpin serta pekerja didapati tidak menunaikan kewajipan sebagai seorang Islam.

Menurut pendakwah bebas, **Kamal Firdaus Ahmad**, semua orang Islam sedia maklum bahawa kewajipan solat adalah tiang agama dan apabila pemimpin dan pekerja tidak melaksanakan solat, keberkatan dalam organisasi boleh terjejas.

"Ini boleh menyebabkan masalah dalam hubungan antara pekerja serta prestasi kerja yang merosot. Daripada Ibnu Umar RA, beliau berkata Nabi SAW bersabda:

"Solat pada waktunya, barangsiapa yang meninggalkan solat maka tiadalah agama baginya dan solat itu merupakan tiang agama". [Riwayat al-Baihaqi (2550) di dalam al-Syu'ab].

"Selain itu, pemimpin yang culas dalam solat mungkin memberi contoh yang buruk kepada orang bawahan. Ini boleh menyebabkan mereka juga mengabaikan tanggungjawab agama yang seterusnya mengurangkan moral dan etika di tempat kerja," katanya kepada Wilayahku pada Selasa.

Guru Kaunseling Sek Keb Kampung Jawa itu berkata solat membantu individu untuk berfikir dengan tenang dan menghilangkan tekanan.

Sekiranya mengabaikan kewajipan tersebut, seseorang itu berisiko merasa lebih tertekan dan kurang fokus sekali gus menjejaskan produktiviti mereka.

"Solat adalah cara untuk mendekatkan diri kepada Allah. Apabila anggota organisasi tidak menunaikan solat, mereka mungkin merasa jauh dari nilai-nilai spiritual yang sepatutnya menyatukan

mereka. Meninggalkan solat boleh menjadikan suasana kerja tidak harmoni.

Menurut Kamal Firdaus, ketua dan pekerja yang sengaja mengabaikan tanggungjawab berkenaan boleh membawa kepada tindakan yang tidak beretika seperti penipuan atau penyalahgunaan kuasa serta boleh mencerminkan kurangnya komitmen terhadap nilai-nilai agama dan etika.

"Jika seseorang sengaja mengabaikan tanggungjawab, ia boleh mencetuskan konflik dan ketegangan antara pekerja seterusnya boleh merosakkan suasana kerja.

"Ini kerana mereka yang tidak menjaga solatnya kebiasaannya sukar untuk bersikap tenang dan waras dalam membuat keputusan berdasarkan nilai dan moral yang tinggi disebabkan hanya bergantung kepada nafsu semata-mata," katanya.

Katanya solat berjemaah adalah salah satu cara Islam mempromosikan perpaduan yang menjadi kekuatan dalam sesebuah organisasi mahupun masyarakat.

"Seperti firman Allah SWT dalam Surah As-Saff, ayat 4: *"Sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang berperang di jalan-Nya dalam barisan yang teratur seakan-akan mereka seperti suatu bangunan yang tersusun kukuh"*.

"Pengabaian solat boleh menjejaskan perpaduan dan kerja berpasukan melalui berkurangnya peluang untuk ahli organisasi berkumpul dan berinteraksi dalam suasana spiritual; melemahnya ikatan persaudaraan Islam antara pekerja; menurunnnya semangat kerjasama yang dibina melalui ibadah bersama; berkurangnya rasa kebersamaan dalam mencapai matlamat organisasi dan melunturkan semangat

persaudaraan dan persefahaman dalam memacu kejayaan bersama dalam organisasi," katanya.

Beliau menegaskan sekiranya ketua dan pekerja tidak melaksanakan tanggungjawab berkenaan terdapat implikasi dalam membuat keputusan dan keberkesanan kepimpinan.

"Pengabaian solat oleh pemimpin boleh mengakibatkan berkurangnya kebijaksanaan dalam membuat keputusan dan melemahkan hubungan dengan Allah yang boleh menjejaskan bimbingan spiritual dalam kepimpinan.

"Selain itu, antara implikasi lain adalah menurunnya integriti dan kebolehpercayaan pemimpin di mata orang bawahan, berkurangnya keberkatan dalam usaha kepimpinan dan berkurangnya rasa hormat dari orang bawahan kerana kesan pengabaian tanggungjawab terhadap agama yang ditunjukkan oleh pimpinan mereka," katanya.

Beliau berkata pengabaian solat juga berisiko mempengaruhi tingkah laku moral dan etika pekerja kerana ia bukan sekadar ritual tetapi juga membentuk akhlak.

"Nabi Muhammad SAW bersabda: *"Solat adalah tiang agama. Barangsiapa yang mendirikan agama, maka ia telah menegakkan agama. Dan barangsiapa yang meninggalkannya, maka ia telah meruntuhkan agama."* (Hadis riwayat Al-Baihaqi)

"Pengabaian solat boleh mempengaruhi tingkah laku moral dan etika pekerja melalui meningkatnya kecenderungan untuk melakukan perbuatan yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam serta kurang atau hilang rasa takut kepada Allah dalam tindakan harian.

"Selain itu, ia turut mampu melemahkan kawalan diri terhadap godaan untuk melakukan kesalahan dan menurunnnya standard etika dalam interaksi dengan rakan sekerja dan pelanggan serta melemahkan keimanan dan jati diri dalam usaha menjaga amanah dan tanggungjawab yang tuntas."



KAMAL FIRDAUS



MENINGGALKAN solat boleh menjadikan suasana kerja tidak harmoni. - Gambar hiasan